


Jilid I
Bil. 42



MALAYSIA

Hari Rabu
13hb Disember, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4137]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978)—

Jawatankuasa:

Jadual Pertama:

- Kepala B. 46 [Ruangan 4147]
- Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 [Ruangan 4154]
- Kepala B. 52 [Ruangan 4172]
- Kepala B. 53 dan B. 54 [Ruangan 4182]
- Kepala B. 55 dan B. 58 [Ruangan 4188]
- Kepala B. 63 [Ruangan 4195]

Jadual Kedua:

- Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 [Ruangan 4147]
- Maksud B. 50 [Ruangan 4154]
- Maksud B. 52 [Ruangan 4172]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud B. 55, B. 58 dan B. 65 [Ruangan 4188]

Maksud B. 63 [Ruangan 4195]

Maksud B. 64 [Ruangan 4197]

Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No 2) [Ruangan 4202]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4206]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4214]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3), 1977—

Jawatankuasa:

Kepala P. 55, P. 56 dan P. 59 [Ruangan 4188]

Kepala P. 63 [Ruangan 4195]

Kepala P. 64 [Ruangan 4197]

Kepala P. 66 [Ruangan 4199]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1978—

Jawatankuasa:

Maksud P. 47 dan P. 48 [Ruangan 4147]

Maksud P. 54 [Ruangan 4182]

Maksud P. 55 dan P. 60 [Ruangan 4188]

Maksud P. 63 [Ruangan 4195]

Maksud P. 64 [Ruangan 4197]

Maksud P. 66 [Ruangan 4199]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Grik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 13hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERMOHONAN KERAKYATAN

1. Tuan Chan Teck Chan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan-permohonan kerakyatan yang dibuat sejak Merdeka di bawah Borang A, B, C, D, E, dan G dan bilangan mereka yang berjaya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, bilangan permohonan kerakyatan semenjak Merdeka hingga kepada 25-9-1978 ini ialah sebanyak 2,186,559 dan sebanyak 2,125,071 telah diluluskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa antara permohonan-permohonan yang ditolak apakah sebab-sebab terdapat bilangan yang besar yang ditolak?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bilangan yang ditolak. Saya telahpun memberitahu bilangan yang diluluskan daripada sebanyak 2,186,559 permohonan 2,125,071 telah diluluskan. Ini menunjukkan bilangan ditolak adalah tidak banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat itu bertanya tentang sebab-sebab ianya ditolak—itu sahaja, kalau boleh memberi sebab-sebab ditolak antara yang besarnya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Sebab-sebab telah ditolak ialah oleh sebab kelayakan-kelayakan bagi permohonan-permohonan itu tidak ada yakni umpamanya tidak lulus dalam peperiksaan bahasa, tidak berkelakuan baik dan sebagainya lagi yang ada dalam hak-hak kelayakan seseorang pemohon itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampaknya sepanjang Soal-Jawab dalam Parlimen ini pihak DAP begitu suka dan berminat sekali menyoal tentang permohonan kerakyatan bagi memramaikan orang asing dan golongan migran untuk menjadi warganegara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ada, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang atau membuat apa-apa langkah bagi memperketatkan lagi atau serta berhati-hati dalam usaha meluluskan permohonan kerakyatan ini, kerana yang ada dua tiga orang di hadapan kita ini pun tidak tertanggung oleh kita?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian dan Jabatan yang berkenaan sentiasalah meneliti tiap-tiap pemohon-pemohon untuk warganegara itu supaya menjaminkan orang-orang yang tidak berhak kepada kewarganegaraan ini tidak diberi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri telah menyatakan tentang sebab-sebab penolakan akan permohonan kewarganegaraan itu. Di antara sebab-sebab itu ialah umpamanya soal-soal bahasa dan lain-lain. Bolehkah Timbalan Menteri itu menerangkan di Dewan

ini bahawa sebab-sebab yang terpenting sekali dalam membuat penolakan itu ialah sebab-sebab keselamatan?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sentiasalah sebab-sebab keselamatan adalah diambil kira sebagai sebab-sebab terpenting juga.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberitahu bahawa melebihi 2 juta permohonan kewarganegaraan telah diluluskan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini di antara 2 juta lebih ini berapakah diluluskan di bawah Borang A atau B atau C dan D dan lain-lain sepertimana yang dinyatakan dalam soalan itu?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat beri jawapan kepada semua tiap-tiap satu bilangan itu, iaitu permohonan-permohonan daripada borang-borang yang tersebut tadi oleh sebab setengah-setengahnya tidak ada rekod khususnya pemohon-pemohon daripada tarikh mula Merdeka hingga kepada tahun 1961. Tetapi daripada 1-1-1962 hingga 25-9-1978 ini, sukalah saya menyatakan pemohon daripada Borang A ialah sebanyak 66,488; Borang B 199,890; Borang C 280,997; Borang D 1,441; Borang E sebanyak 136,213 dan Borang G 44,982. Jumlah sebanyak 370,071 pemohon adalah diterima dari 1-1-1962 hingga bulan September tahun 1978 ini. Yang lain-lainnya tidak ada rekod yang tepat dan siji-siji yang telah dikeluarkan ialah daripada masa tempoh itu juga: Borang A sebanyak 61,020; Borang B 210,977; Borang C sebanyak 276,297; Borang D 246; Borang E 131,076 dan Borang G 22,704. Jumlah sebanyak 702,290.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak silap daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada 2,186,559 pemohon sebanyak 2,155,700 orang lebih yang telah diterima. Bermakna kalau saya tolak secara kasar 30,900 orang sahaja ditolak. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa peratus yang ditolak ini hanya kira-kira 1.5% sahaja daripada jumlah pemohon dan adakah beliau sedar bahawa ini merupakan suatu perlaksanaan di dalam soal ini yang terlalu ringan dan liberal terhadap pemohon-pemohon tersebut?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sememang begitu. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya telah katakan tadi tiap-tiap permohonan itu diteliti dengan halus dan tidaklah kita meluluskan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sewaktu menjawab soalan Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi, Timbalan Menteri berkenaan menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa berhati-hati supaya orang yang tidak berhak tidak mendapat kerakyatan. Ini bermakna bahawa ada pula orang yang berhak mendapat kerakyatan. Yang dahulunya sewaktu di dalam Dewan ini Timbalan Menteri berkenaan juga menyatakan bahawa dikeluarkan kerakyatan itu bukan kerana hak pemohon tetapi adalah budi bicara Kerajaan. Nampaknya jawapan yang diberikan tadi dengan jawapan yang terdahulu itu ada bertentangan. Apakah kedudukan yang sebenarnya di dalam hal ini?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pemberian kerakyatan adalah menurut syarat-syarat di dalam Perlembagaan dan pihak Kementerian sentiasa berpandu kepada kehendak-kehendak Perlembagaan bagi meluluskan permohonan warganegara sungguhpun hak meluluskan pemberian kerakyatan itu ada kepada Kerajaan bukan ada kepada pemohon. Itulah yang dikatakan hak yang ada pada Kerajaan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa di antara sebab bilangan penolakan pemohon-pemohon kerakyatan ialah keselamatan negara. Saya sangat hairan, adakah ini berkait dengan keselamatan negara, satu sebab di antara sebab-sebab di mana pemohon-pemohon untuk kerakyatan ditolak? Ertinya ada pemohon-pemohon dianggap sebagai ancaman terhadap keselamatan negara. Kalau begitu, Kerajaan bukan sahaja tolak permohonan mereka kalau mereka itu dianggap sebagai mengancam terhadap keselamatan negara?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa orang yang dianggap bahaya kepada keselamatan negara

bukan sahaja tidak dilayan tentang permohonan warganegaranya, bahkan jika sekiranya didapati sah bahawa ianya benar-benar melakukan perbuatan yang merbahaya kepada negara sememangnya langkah-langkah keselamatan diambil terhadapnya seperti mana ditahan dan sebagainya.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dari segi kerakyatan negara kita adalah satu negara yang sungguh bertimbang rasa dan baik budi memberi kerakyatan kepada mereka yang kadangkala tidak layak mendapat kerakyatan terutama sekali dalam soal fasih Bahasa Kebangsaan. Ada juga terdapat orang kurang fasih Bahasa Kebangsaan diberikan kerakyatan dan ada pula di antara setengah pemohon kerakyatan yang diberi melalui beberapa proses terdapat ada yang menjadi pengkhianat kepada negara. Kalaulah ada kes-kes yang semacam ini bolehkah Kementerian berkenaan tarik balik kerakyatan mereka.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Ahaj: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh ditarik balik kerakyatan mereka itu.

SAMPAH-SARAP DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

2. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam Bandaraya Kuala Lumpur mengenai kegagalan mengadakan jalan, parit dan pembuangan sampah sarap di Bandaraya terutama sekali di Kolam Air, Bamboo Garden, Kampung Kassipillai Jalan Berhala, Bukit Bangsar, Kampung Pantai Halt, Kampung Haji Abdullah Hukum dan Segambut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan ini sukalah saya terlebih dahulu memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jalan-jalan di Kuala Lumpur terbahagi kepada dua jenis iaitu jalan-jalan awam dan jalan-jalan persendirian. Jalan-jalan persendirian tidak dibina dan diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya dan 76 daripada jalan-jalan di kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah jalan-jalan persendirian. Dewan Bandaraya boleh juga membina

jalan-jalan persendirian dan pembinaan jalan-jalan persendirian dalam mana pemilik-pemilik harta yang berkaitan dikehendaki menanggung perbelanjaan. Proses ini biasanya memakan masa kerana perlu diadakan pendengaran bantahan-bantahan, pengambilan tanah-tanah persendirian untuk rezab jalan dan kerap kali melibatkan pemindahan setinggi-setinggian. Jalan-jalan awam di bawah penyelenggaraan Dewan Bandaraya berada dalam keadaan memuaskan.

Adalah tidak benar kenyataan Yang Berhormat bahawa Dewan Bandaraya telah gagal memberi perkhidmatan pungutan dan pembuangan sampah-sarap di Kuala Lumpur. Kutipan dan pembuangan sampah-sarap sentiasa dibuat dengan teliti dan diperbaiki dari masa ke semasa supaya lebih memuaskan. Di kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, pungutan sampah dibuat selang sehari bagi kawasan-kawasan perumahan dan tiga kali dalam seminggu bagi kawasan-kawasan perkampungan setinggian. Pada keseluruhannya perkhidmatan pungutan dan pembuangan sampah di kawasan-kawasan itu adalah memuaskan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan ini, Dewan Bandaraya mempunyai 100 buah lori pemadat sampah untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar kawasan di Kampung Haji Abdullah Hukum tidak ada tong sampah di mana rakyat boleh buang sampah?

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya tong sampah Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan V. David: Ini satu contoh sahaja tetapi ada juga kawasan yang kami bawa ke dalam Dewan hari ini tidak ada Dewan Bandaraya menyediakan tong di mana orang boleh buang sampah. Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tolong siasat kerana kadang-kadang jawapan yang saya dapat dalam Dewan ini atau dari Bandaraya tidak dapat satu jawapan yang positif. Jadi, saya bertanya bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ambil tindakan yang positif?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Berhubung dengan soalan tambahan itu, Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya memang mengambil tindakan yang positif dalam perkara-perkara pembuangan sampah-sarap

yang ada di Kuala Lumpur ini dan ini dibuat bukan sahaja di dalam kawasan-kawasan perumahan termasuk juga perkampungan-perkampungan setinggan seperti Kampung Haji Abdullah Hukum. Jadi kalau terdapat lagi perkara-perkara yang masih perlu diperbaiki maka langkah positifnya ialah tindakan ke arah memperbaiki itu akan dibuat oleh Dewan Bandaraya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan itu ialah cadangan atau syor yang diberi oleh pihak Ahli Yang Berhormat dari Damansara ataupun pihak DAP. Supaya tidak dikatakan orang pandai mengatakan gagal sahaja, apakah sumbangan ataupun buah fikiran bertulis yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara ini telah diterima oleh pihak Dewan Bandaraya

Tuan V. David: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: bagi menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak timbul dalam soalan ini, terkeluar daripada soalan asal. Ahli Yang Berhormat dari Pantii!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan pembuangan sampah-sarap dalam Bandaraya, di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur ini terlalu kotor sangat sehingga di saat ini tidak ada nampaknya langkah-langkah yang telah diambil bagi membersihkan Pasar Chow Kit. Saya tidak tahu wakil rakyat yang berkenaan di Bandar Kuala Lumpur ini entah apa yang dibuatnya. Saya ingin hendak tahu kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar akan perkara ini, bilakah hendak diambil tindakan dan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang hendak membersihkan Pasar Chow Kit di Kuala Lumpur ini?

Tuan Yang di-Pertua: Ini macam mana Ahli Yang Berhormat dari Pantii pergi ke Pasar Jalan Chow Kit? (*Ketawa*) Sila, kalau ada jawapan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Bandaraya sangat sedar tentang sampah-sampah yang banyak di Pasar Chow Kit itu, kerana itu adalah antara pasar dalam Kuala Lumpur yang sangat popular yang sentiasa dikunjungi orang untuk membeli-belah di situ. Tetapi walaupun begitu memang Bandaraya tiap-tiap hari tidak pernah miss menjalankan kerja-kerja mengutip sampah dan mencuci pasar itu.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah beliau sedar iaitu merujuk kepada keadaan sampah di Bukit Bangsar sahaja?

Kedua, adakah beliau sedar bahawa dakwaan Wakil Rakyat dari Damansara dalam soal tambahan tadi adakah tidak benar? Adakah beliau sedar bahawa dalam masalah ini walaupun seseorang itu tidak menjadi Wakil dari Damansara tetapi seorang lain juga boleh pergi ke Damansara memerhati perkara ini? Misalnya, pagi tadi sahaja saya telah pergi ke Bukit Bangsar untuk membeli nasi lemak.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa? (*Ketawa*).

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tambahan saya datang lebih awal. Saya ulang lagi iaitu adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa apa yang disebutkan oleh Wakil daripada Damansara mengenai sampah di Bukit Bangsar tadi adalah tidak benar?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan sebenarnya tadi yang berbunyi: Adalah tidak benar kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa Dewan Bandaraya telah gagal memberi perkhidmatan pungutan pembuangan sampah di kawasan-kawasan yang tersebut?

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini telah membuat satu rancangan kerja yang muktamad dan diumumkan kepada rakyat seluruhnya berhubung dengan mengatasi

masalah Bandaraya yang dibangkitkan ini sehingga dapat dituduh oleh wakil Damansara mengatakan gagal?

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, apa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang Dewan Bandaraya ada rancangan-rancangan yang tertentu yang telah dibuat tentang perkara-perkara pembuangan sampah dalam Bandaraya, umpamanya yang paling akhir sekali yang telah dibuat ialah di kawasan-kawasan tertentu menggunakan beg plastik dan meminta penghuni-penghuni di tempat-tempat yang berkenaan membubuh sampah itu dalam beg plastik yang diikat supaya sampah-sampah itu tidak berkecamuk apabila dikacau oleh anjing dan kucing. Jadi bila dibubuh dalam bag-bag plastik dan diletakkan dalam tong sampah maka sampah-sampah itu tidaklah seperti mana yang saya katakan berkecamuk dan kita memang sentiasa mengumumkan jika ada apa-apa tindakan yang hendak diambil berhubung dengan jadual waktu kutipan sampah yang akan dibuat oleh pekerja-pekerja Dewan Bandaraya dan itulah di antara rancangan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini beg plastik yang tidak nampak kelihatan tembus, tidak transparent, kalau tidak anjing dan kucing bercakaran juga kerana dia nampak apa yang ada (*Ketawa*) di dalamnya.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, masalah soalan tambahan yang saya kemukakan, adakah rancangan kerja itu tidak dapat dilaksanakan menyebabkan Ahli Yang Berhormat dari Damansara mengatakan gagal, itu yang saya mahu tahu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Dapat dilaksanakan, bukan tidak dapat dilaksanakan dan dianggap gagal sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, setelah beliau mengumumkan

rancangan-rancangan itu, adakah Setiausaha Parlimen dapat melihat kerjasama yang diberikan oleh anggota-anggota Parlimen dalam kawasan Wilayah Persekutuan?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Kerjasama daripada Wakil-wakil rakyat dalam Wilayah Persekutuan sama ada dari Barisan Nasional ataupun Parti Pembangkang jelas ada.

Tuan V. David: Saya tidak mahu bertanya pada mulanya, tetapi disebabkan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen semua mahu tahu mengenai Damansara, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar tidak ada tandas dalam Bandar Kuala Lumpur, misalnya, di Kampung Haji Abdullah Hukum, Segambut Tengah, Segambut Dalam, Kampung Sirih dan Kampung Masjid?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya ialah berkenaan jalan dan sampah sahaja.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1977 DAN 1978)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (1977 DAN 1978)

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1977 dan 1978) dan Anggaran Pembangunan Tambahan (1977 dan 1978) dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (12hb Disember, 1978).

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Majlis ini ditangguhkan semalam Majlis telah menimbangkan Kementerian Penerangan iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri baru sahaja selesai mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya. Dan sekarang B. 46 iaitu bagi Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 dan Anggaran Pertama Tahun 1978 untuk B. 46, B. 47, B. 48

serta Anggaran Tambahan Pertama bagi Pembangunan tahun 1978 di bawah P. 47 dan P. 48 sekarang terbuka untuk perbahasan.

Kepala B. 46 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 46, B. 47 dan B. 48 (Jadual Kedua)—

Maksud P. 47 dan P. 48 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—

2.57 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi saya bangun menyokong Anggaran Tambahan yang dipohon oleh Kementerian Penerangan ini dan saya hanya hendak menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan B. 46 mengenai siaran talivisyen dan radio.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Kementerian Penerangan di dalam bidang penyelidikan akan dapat menyasat dan menyelidik bahawa hendaknya di masa yang akan datang filem-filem yang ditayangkan di dalam talivisyen kita hendaklah sesuai dengan keadaan berbilang bangsa yang di dalam Malaysia ini yang mana mustahak sekali unsur-unsur itu biarlah berunsurkan perpaduan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah Maksud mana?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: B. 46.

Tuan Pengerusi: B. 46 ada dua Anggaran Tambahan 1978, atau Anggaran Ketiga tahun 1977?

Tuan Yusof bin Malim Kuning: 1978.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, siaran-siaran filem talivisyen ini memang tidak banyak dibuat dalam negara kita dan boleh dikatakan kebanyakan filem-filem itu dibuat di negara-negara asing yang mana boleh dikatakan kebanyakan filem itu sesuai dengan negara mereka. Jadi saya harap filem-filem yang ada sekarang yang ada sekarang yang berunsurkan pergaduhan, yang berunsurkan peperangan, yang berunsurkan jenayah, saya percaya ini tidak

berapa menolong di dalam keadaan masyarakat kita yang berbilang kaum yang mana sepatutnya pihak penyelidik di Jabatan Penyiaran dapat mencari filem-filem yang benar-benar boleh membantu kita di dalam usaha menguatkan lagi perpaduan di antara golongan kaum yang berbilang kaum yang kita ada dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai hal ini. Mungkin ada baiknya dan mungkin ada buruknya oleh kerana negara kita ini baru mengadakan televisyen ini jika dibandingkan dengan negara-negara Barat. Pada hari ini sejak perkhidmatan televisyen diadakan di negara kita, saya harap pihak penyelidikan dapat menyelidik kerana pada hari ini dengan adanya siaran ataupun tayangan yang begitu panjang di satu peringkat ada baiknya untuk hiburan dan sebagainya tetapi di satu peringkat jangka panjang mungkin ini akan membawa kesan yang kurang baik. Pada hari ini boleh dikatakan hampir di mana sahaja, dalam bandar ataupun luar bandar yang didapati ada peti televisyen, masyarakat tadi seakan-akan tidak mengenali antara satu sama lain kerana masyarakat itu telah bertumpu di hadapan televisyennya siang dan malam jadi kemesraan kaum sebagaimana yang kita dapat di masa-masa yang lampau agak kurang. Maksud saya kalau dapat diadakan penyelidikan apakah kesan baik dan kesan buruknya siaran-siaran televisyen ini kita biarkan terlalu banyak bagaimana di negara-negara Barat.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan saya.

3.02 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Pengerusi, saya mahu sebut satu perkara sahaja mengenai Maksud B. 48, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan untuk tahun 1978, mengenai peruntukan tambahan sebanyak hampir \$4 juta yang akan dikehendaki bagi menggiatkan beberapa aktiviti penerangan dalam tahun 1978, di mana butiran-butiran ada disebut dalam muka surat 18 dan 19.

Kita tahu tahun 1978 ialah tahun, pilihanraya umum dan selalu dalam masa pilihanraya umum atau pilihanraya kecil, Jabatan Penerangan menjadi satu alat untuk

parti pemerintah atau parti Barisan Nasional bukan untuk menerangkan kepada orang ramai bagaimana cara menggunakan hak-hak mereka untuk membuang undi tetapi untuk mempengaruhi (influence) mereka supaya mereka boleh undi Barisan Nasional. Ini ialah satu penyalahgunaan kuasa dan jawatan oleh pegawai-pegawai dalam Jabatan Penerangan. Kita mendapat tahu tahun ini Dewan ini diminta meluluskan dekat \$4 juta dan kita mahu tahu dalam angka ini berapa banyak anggaran ini sebenarnya digunakan untuk pilihanraya umum dan untuk parti-parti pemerintah.

Saya ingat lagi dalam masa Soal-Jawab, rakan saya ada bertanya mengenai papan-papan yang didirikan sebelum pilihanraya umum oleh Jabatan Penerangan yang menunjukkan gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan slogan-slogan yang sangat terang adalah bersangkut-paut dengan kempen Barisan Nasional untuk mendapat undi dan apabila saya bertanya kenapa ini dilakukan kita diberitahu tujuan papan tanda, ini ialah untuk mengadakan perpaduan, menyeru rakyat bersatu padu. Kenapa ada di tempat-tempat di mana papan ini didirikan sebelum pilihanraya umum dan selepas pilihanraya umum papan ini diturunkan. Ini sangat jelas menunjukkan papan ini satu tujuan sahaja untuk masa pilihanraya dan adakah selepas pilihanraya tujuan ini tidak perlu lagi?

Saya ada dicabar masa itu untuk membuktikan, katakan di mana ada papan yang didirikan sebelum pilihanraya umum dan selepas pilihanraya umum diturunkan. Saya boleh katakan di sini di simpang jalanraya dari Seremban ke Segamat apabila mahu belok ke Melaka, simpang itu adalah satu contoh di mana dalam pilihanraya umum ada didirikan papan yang besar—raksaksa, tetapi selepas 8hb Julai, selepas hari membuang undi papan ini telah diturunkan. Ini jelas menunjukkan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Penerangan digunakan sebagai alat bukan untuk kepentingan orang ramai dan negara tetapi untuk kepentingan parti pemerintah dan sekarang mungkin kita diminta untuk meluluskan tambahan anggaran untuk membiayai belanja ini. Inilah salahguna kuasa dan saya harap pihak Jabatan Penerangan boleh dapat satu gambaran yang betul bahawa mereka sebenarnya servants kepada rakyat

bukan kepada parti pemerintah dan bahawa di masa hadapan tidak akan berlaku lagi salahguna kuasa dan salahguna wang rakyat untuk kepentingan parti pemerintah sahaja supaya mendapat undi-undi dalam pilihanraya umum.

3.07 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kementerian Penerangan, Maksud B. 48 mengenai dengan perbelanjaan \$4.4 juta.

Baru sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyebutkan bagaimana pada pendapat beliau kita telah menggunakan wang dengan tidak betul. Sebenarnya sebelum pilihanraya kebangsaan diadakan dahulu, rakyat telahpun diberitahu atau ada usaha-usaha untuk menggagalkan pilihanraya kebangsaan. Perbuatan ini telah diusahakan oleh Kerajaan dan Kerajaan, menerusi Kementerian Penerangan telah berusaha sepenuh daya supaya perjalanan pilihanraya dapat dijalankan dengan baik dan supaya rakyat di negara ini dapat mengekalkan demokrasi di dalam negara ini. Jadi wang yang sebanyak \$4.4 juta ini kepada saya adalah wajar kerana apalah dengan sebanyak \$4.4 juta kalau sekiranya demokrasi masih lanjut di dalam negara ini dan masih tegakkan kita boleh bersidang di sini membuktikan bahawa rakyat Malaysia mahukan demokrasi itu kekal.

Tuan Pengerusi, tentulah dalam menjalankan penerangan-penerangan kepada rakyat sebelum pilihanraya, matlamat kita yang pertama ialah supaya rakyat bersedia dalam perjuangannya untuk mempertahankan negara ini. Sebagai bukti, sebagaimana yang saya katakan tadi secara ringkas bukti itu telah jelas bahawa kita telah kembali semula dalam demokrasi dan kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional adalah menunjukkan bahawa rakyat telah menyokong sepenuhnya apa yang kita lakukan selama ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan lepas ini saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.09 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya suka juga membincangkan Maksud B. 48 ini mengenai perbelanjaan tambahan berjumlah \$4 juta lebih.

Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi sebenarnya bukan tidak nampak tetapi beliau merupai sakit hati dengan apa yang telah dilakukan oleh Jabatan Penerangan ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat itu tidak nampak apa yang telah dibuat oleh Kerajaan tentang papan tanda itu saya rasa beliau patut pertebalkan lagi cermin matanya supaya melihat tentang penggunaan papantanda-papantanda itu tidakpun diturunkan, bahkan ditambahkan lagi digunakan untuk Bulan Dakwah. Bulan Dakwah dibubuh di bawah, digunakan untuk Hari Merdeka dan juga digunakan untuk Kalendar. Jadi, rasanya pihak yang berkenaan tidak begitu faham tentang matlamat yang dibuat oleh Kerajaan. Setahu saya dan juga pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri telahpun menerangkan kepada kita semua dan juga telah menyetujui apa yang telah saya tanya di Dewan ini iaitu apabila hampir dengan pilihanraya, didapati banyak sangat issue perkauman telah timbul dan digunakan oleh parti Pembangkang menyebabkan rakyat yang ada dalam negeri ini nampak seolah-olah akan berpecah. Maka demi untuk kepentingan negara dan keselamatan negara, maka di saat itulah penting bagi kita. Tetapi ini menyatupadukan rakyat dengan menggunakan usaha yang ada kepada Kerajaan. Memanglah bagi pihak Pembangkang selalu memandang dari segi negatif. Kalau sekiranya mereka itu tidak faham, bermaknalah mereka itu tidak begitu suka kepada perpaduan dan tidak begitu suka keadilan dan tidak begitu suka kepada keselamatan negara, sebagaimana yang ada tertulis di papan-papan kenyataan yang dibuat oleh Jabatan Penerangan itu.

Bagi pihak saya, saya suka supaya papan-papan tanda itu diperbanyakkan lagi atau ditambahkan lagi di mana cerok dan kalau boleh di Parlimen ini digunakan papan itu supaya mereka yang tidak sedar akan sedar pentingnya tentang perpaduan negara. Kalau hanya untuk berpecahan adalah lebih senang daripada untuk melahirkan semangat perpaduan.

Selain daripada itu, saya juga suka menyentuh soal pembaca Warta Berita, Bahagian Penyiaran, B. 47—\$50,000. Saya tengok kadang-kadang kemas pembaca Warta Berita ini....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, B. 47 hanya untuk menggantikan alat-alat perakam radio.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Alatan, Bahagian Pembangunan 47, berkenaan dengan Penyiaran, sedikit. Jadi sebenarnya.....

Tuan Pengerusi: Ya, Pembangunan ini berkenaan dengan alat-alat rakam radio, tidak boleh cakap hal lain.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tidak boleh bercakap berkenaan hal lain?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tidak mengapalah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.13 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan-cadangan yang membina.

Yang pertama sekali, Ahli Yang Berhormat dari Panting yang telah berucap mengenai tidak mencukupi rancangan-rancangan tempatan dan ada beberapa rancangan yang tidak menggambarkan masyarakat kita yang berbilang kaum. Saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Panting iaitu sejak tahun ini kita sudah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian yang akan menyemak semua rancangan-rancangan untuk menyesuaikan rancangan-rancangan kita kepada keadaan yang ada di dalam negara kita dan pada masa ini dasar Kementerian Penerangan ialah untuk menggambarkan masyarakat kita yang berbilang bangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyentuh di atas B. 48 dan saya hendak jelaskan di sini iaitu \$4 juta ini diperlukan

untuk Jabatan Penerangan oleh kerana Jabatan ini terpaksa menjalankan kegiatan-kegiatan secara terdesak dan hebat sesudah sahaja pengumuman dibuat mengenai Pilihanraya Umum tahun 1978. Dalam pada itu untuk mempercepatkan lagi jentera siberan am Kerajaan agar dapat menyediakan rakyat memainkan peranan mereka sewajarnya dalam bidang-bidang keselamatan dan juga pilihanraya, maka Jabatan Penerangan perlu diperkemaskan. Usaha ini memerlukan juga pembekalan 21 buah kereta bergerak baru bagi menggantikan kereta-kereta yang telah dikondemkan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menolak tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Petaling iaitu kita hanya menggunakan wang Kerajaan untuk parti-parti pemerintah sahaja. Dalam satu masa seperti masa pilihanraya di mana ada banyak anasir-anasir subversif dan orang-orang jahat yang akan mengacau masyarakat kita, kita terpaksa memberitahu kepada rakyat kita melalui kursus-kursus sivik dan radio-radio dan juga kereta-kereta van dengan radio yang boleh menenangkan rakyat kita. Di atas usaha ini Ahli Yang Berhormat dari Petaling menuduh iaitu usaha kita ialah untuk menyelamatkan kita sendiri. Ini menunjukkan satu sikap di mana apabila ada kejadian yang tidak baik dia pun menuduh Kerajaan tidak menjaga keselamatan negara. Apabila kita sudah lepas satu pilihanraya yang aman dan damai, dia lagi hendak menuduh iaitu kita menggunakan wang ini untuk kita sendiri sahaja dan saya ingat sikap seperti ini tidak sihat dan perlu diubah.

Mengenai papan-papan tanda, saya ingat perkara ini telah dijawab dalam Dewan ini dan saya tidak ada apa-apa tambahan lagi.

Lain-lain cadangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengambil perhatian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,500 untuk Kepala B. 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$591,600 untuk Maksud B. 46, \$50,000 untuk Maksud B. 47 dan \$4,440,087 untuk Maksud B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$699,990 untuk Maksud P. 47 dan \$105,000 untuk

Maksud P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang mengemukakan Anggaran Tambahan bagi Kementeriannya. Sila.

Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 (Jadual Pertama)

Maksud B. 50 (Jadual Kedua)

3.18 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, dengan ini saya kemukakan untuk mendapat kelulusan Dewan, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1977, Kementerian Undang-undang, di bawah Kepala Bekalan B. 49—Kementerian Undang-undang, B. 50—Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh dan B. 51—Jabatan Pemegang Harta seperti berikut:-

(i) *Kementerian Undang-undang: Kepala Bekalan B. 49*

Mengenai Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977 ini, Kementerian Undang-undang memerlukan tambahan sebanyak \$2.1 juta (\$2,100,000.00) untuk menampung perbelanjaan mengurus Kementerian ini dalam tahun 1977, dan membiayai perbelanjaan bagi mengadakan Pameran Anti Dadah Kebangsaan.

Dari jumlah tersebut sebanyak \$2,037,905.00 adalah bagi bayaran tunggakan dan gaji kakitangan berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet, manakala bakinya untuk belanja Pameran Anti Dadah Kebangsaan dan lain-lain perbelanjaan luar jangka.

(ii) *Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh: Kepala Bekalan B. 50*

Mengenai Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977, Jabatan ini memerlukan Tambahan sebanyak \$550,000.00 bagi membayar tunggakan dan gaji bagi pegawai-pegawai dan kakitangan

di Semenanjung Malaysia berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

(iii) *Jabatan Pemegang Harta: Kepala Bekalan B. 51*

Bagi Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977 ini, Jabatan Pemegang Harta memerlukan tambahan sebanyak \$301,000.00 dan jumlah ini adalah juga dikehendaki bagi menampung perbelanjaan membayar tunggakan dan gaji kakitangan Jabatan Pemegang Harta berikutan dengan pelaksanaan Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Pengerusi, selain daripada Anggaran Tambahan Belanjawan Ketiga, bagi tahun 1977, Kementerian Undang-undang juga memerlukan sedikit tambahan di bawah Anggaran Tambahan Belanjawan Pertama bagi tahun 1978 untuk Kepala Bekalan B. 50—Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh.

Jumlah tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$23,700.00 iaitu tambahan kepada peruntukan sewaan, kemudahan dan perabot bagi pejabat di Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi, sekianlah serba sedikit keterangan-keterangan mengenai Kementerian saya dan seterusnya memohon Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977 berjumlah \$2.1 juta bagi Kepala Bekalan B. 49, \$550,000.00 bagi Kepala Bekalan B. 50 dan \$301,000.00 bagi Kepala Bekalan B. 51 diluluskan.

Saya juga mohon Anggaran Tambahan Pertama bagi Tahun 1978 bagi Kepala Bekalan B. 50 berjumlah \$23,700.00 diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 49, B. 50 dan B. 51 Anggaran Tambahan Ketiga Tahun 1977 dan B. 50 bagi Anggaran Tambahan Pertama Tahun 1978 di bawah Kementerian Undang-undang sekarang terbuka untuk perbahasan.

3.23 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya cuba hendak mambahaskan Maksud B. 49 berkenaan dengan Perbelanjaan Mengurus Tambahan. Nampaknya pihak Kerajaan sekarang di dalam bahagian Undang-undang

ini tidak begitu tegas di dalam menjalankan hukuman mereka yang telah dihukum di bawah ISA.

Sebagaimana yang kita tahu beberapa orang iaitu mereka yang dihukum di bawah ISA itu tidak dilaksanakan hukumannya menyebabkan ada setengahnya telah mendapat pengampunan dan mengikut surat akhbar kelmarin seorang daripadanya telah menidakkan tentang hukuman yang telah dijatuhkan apabila mereka membuat rayuan ke Privy Council dalam kes Teh Cheng Poh. Maka perkara ini sepatutnya pihak Kementerian Undang-undang mengambil tindakan yang tegas dalam menjalankan hukuman supaya orang-orang yang benar bersalah itu akan menerima hukuman yang sepatutnya. Dan ini adakan satu keadilan dari segi keamanan dan kepentingan negara. Kalau perkara ini kita lengah-lengahkan maka apa hukuman yang dijalankan oleh mahkamah itu sepatutnya telah dapat kita jalankan, tetapi tidak dijalankan segera.

Selain daripada itu, dari segi Belanja Mengurus juga, saya cuba hendak menyentuh perkara yang kedua, iaitu sejauh manakah tindakan BSN terhadap penyokong-penyokong atau pendatang-pendatang haram yang cuba hendak merosakkan keadaan dalam negara kita juga oleh penyokong-penyokong yang cuba hendak membuat hubungan perniagaan ataupun memberi bantuan kepada pihak pendatang-pendatang haram itu. Jadi sepatutnya perkara ini merupakan satu perkara rasuah dan sepatutnya pihak BSN mengambil tindakan yang tegas dan pihak saya ingin hendak mengetahui sejauh manakah tindakan pihak BSN dalam mencegah berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan hasil daripada pendatang haram ke negeri kita.

3.26 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam perbahasan atas Maksud B. 49, Pecahan-kepala 1100—Biro Siasatan Negara.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada BSN setelah bertindak tegas walaupun ada sedikit lambat mengenai beberapa kes rasuah dan "abuse of power" yang telah berlaku di Melaka, terutama kes-kes yang dijalankan pada 1hb Disember lalu menunjukkan bahawa kenyataan korupsi sangat menjadi-jadi

Tuan Pengerusi: Kes yang ada dalam pertimbangan mahkamah jangan disebut dalam Dewan ini.

Tuan Chan Teck Chan: Minta maaf. Ini sudah menunjukkan bahawa kenyataan korapsi sangat hebat dan serius bukan sahaja berlaku di Melaka khususnya dan di seluruh negara amnya, terutama di kalangan politik-us-pilitikus yang berjawatan tinggi. Saya masih ingat sejak tahun 1975 hingga 1978, saya sekurang-kurangnya ada membuat 10 laporan rasmi kepada BSN untuk mendesak pihak Kerajaan dan BSN untuk bertindak menyiasat beberapa kes yang saya adukan kepada BSN. Mungkin BSN tidak bertindak begitu cepat kerana kekurangan kakitangan yang dihadapi, sungguhpun Yang Berhormat Menteri Undang-undang telah mengumumkan pada dua minggu yang lepas bahawa bilangan pegawai BSN akan ditambah tetapi dari segi bilangan kes dan kenyataan korapsi yang berlaku hari ini, saya fikir bilangan pegawai itu masih jauh daripada mencukupi.

Tuan Pengerusi, beberapa perkara saya harap BSN boleh mengambil perhatian ialah sikap sebahagian pegawai BSN yang mengambil statement daripada orang ramai khususnya wakil-wakil rakyat yang membuat aduan. Saya pernah dipanggil untuk membuat beberapa kenyataan kepada BSN tetapi sungguhpun kita cuba bekerjasama dengan pihak BSN tetapi kadang-kadang sikap sebahagian pegawai BSN itu adalah sangat mengeciwakan orang yang cuba mahu datang ke hadapan dan memberikan kerjasama dengan Kerajaan untuk memerangi korapsi dan juga cara BSN melayani aduan orang ramai perlulah diperbaiki. Apabila sesuatu aduan umpamanya dirujukkan kepada BSN, sekurang-kurangnya pihak BSN perlu memberikan satu kad akuan penerimaan bahawa aduan itu telah diterima.

Kadang-kadang saya buat aduan, atau orang ramai pun ada buat aduan, tetapi langsung tak pernah menerima apa-apa jawapan daripada BSN. Di sini adalah merupakan satu kelemahan yang tidak begitu menggalakkan orang ramai mahu ke hadapan untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Ketiga, cara BSN untuk menyiasat sesuatu aduan orang-orang ramai.

Saya tidak bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada dua minggu yang lepas bahawa sesuatu aduan perlu disokong dengan bukti-bukti yang jelas atau perlu ditandatangani dengan mengirinkan surat kepada BSN dengan nama diturunkan, tetapi saya perlu menegaskan di sini bahawa ada sebahagian kes-kes yang sangat susah bagi kita untuk memberikan evidence atau bukti yang sangat konkrit dan tepat. Kita boleh saksi, boleh melihat, bagaimana berlakunya korapsi umpamanya di projek PKNM di Melaka. Tetapi kalau kita hendak mengambil bukti, itu adalah sangat payah kerana kita tidak boleh diizinkan untuk melihat dokumen-dokumen yang ada pada pihak Kerajaan. Kalau saya lihat itu, mungkin saya akan dicap di bawah Official Secrets Act. Sebab itu dari cara orang yang terlibat di dalam, umpamanya, projek Malim Jaya, saya sudah kata di dalam projek Malim Jaya di negeri Melaka di bawah jagaan PKNM (SEDC) telah menunjukkan satu bicara yang sangat terang bahawa adalah berlaku penyelewengan. Ini sangat jelas, tetapi kalau diminta buktinya, ini terserahlah kepada BSN untuk memanggil orang-orang yang terlibat supaya menyiasat dengan lebih mendalamnya. Di sini saya perlu menarik perhatian mengenai kelemahan Undang-undang yang ada di Malaysia hari ini, khususnya dalam bidang-memerangi korapsi.

Saya fikir Akta Pencegahan Rasuah, 1961 ini tidak begitu berkesan untuk membolehkan BSN bertindak cepat dan tegas untuk menyiasat dan menghadapkan orang-orang yang terlibat dalam korapsi ke Mahkamah. Umpamanya, kita boleh lihat dengan mata kita sendiri bahawa seseorang pegawai Kerajaan dengan pendapatannya tidak begitu lumayan bagaimana dia mungkin membeli atau mendirikan sebuah rumah yang berharga melebihi \$300,000 di Bukit Baharu di Melaka. Ini telah menunjukkan ada sesuatu yang tidak sihat telah berlaku. Walaupun orang ramai mengadu, tetapi kalau hendak meminta bukti lagi, itu sangat susah. Kalau kita boleh meminda Undang-undang kita bahawa seseorang kalau dia memiliki sesuatu harta benda atau menduduki sebuah rumah yang nilainya telah melebihi sumber pendapatannya atau melebihi kemampuan ekonominya, maka orang itu perlu dipanggil

untuk memberikan penjelasan atau memberikan alasan bagaimana dia mampu untuk membeli rumah itu yang tidak selaras dengan pendapatannya. Saya harap Undang-undang BSN yang ada pada hari ini perlulah, sangat mustahak, dipinda, kalau boleh, mencontohi Undang-undang yang ada di Hong Kong hari ini di mana kita boleh dapati bagaimana pihak yang berkenaan melancarkan kempen anti korupsi di negara Hong Kong. Sungguh pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan keazamannya hendak memerangi korupsi yang berlaku di kalangan Perkhidmatan Awam, sepertimana yang ditunjukkan dalam pindaan kepada Perkara 135 dalam Perlembagaan kita yang telah diluluskan, tetapi ini masih tidak cukup.

Kalaulah BSN mahu menjadi satu badan yang bebas dan boleh berkuasa untuk menghapuskan musuh negara kita maka ada beberapa segi yang mustahak. Pertama ialah Undang-undang, yang adalah merupakan satu alat yang paling basic dan berkesan untuk membolehkan Badan Anti-korupsi ini menjalankan tugasnya. Kedua, saya sudah kata bahawa jentera BSN ini perlu dipermodenkan supaya cara korupsi yang sophisticated ini bolehlah dikesan, umpamanya yang baharu-baharu berlaku di dalam perusahaan perumahan (housing project). Ini menunjukkan bahawa BSN sudah mengambil berat tetapi mungkin beberapa masalah akan dihadapi.

Ketiga, adalah BSN hendak meminta kerjasama daripada orang ramai dan rakyat Malaysia supaya bekerjasama, maka sikap BSN perlu diperbaiki.

Akhirnya, saya berharap BSN boleh meminta semua ketua-ketua Kerajaan Negeri untuk memberikan kerjasama mereka; umpamanya mereka perlulah mengambil satu pendirian yang tegas bahawa anti-korupsi adalah tanggungjawab mereka. Di Melaka saya menghadapi satu masalah yang sangat rumit. Bila saya mendesak Kerajaan Negeri di Melaka untuk mengambil langkah-langkah yang positif untuk memerangi korupsi, jawapan yang diberikan olehnya ialah kerja anti-korupsi bukanlah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi itu adalah tanggungjawab BSN dan Kerajaan Pusat. Di sini kita boleh lihat bahawa sikap sebahagian Kerajaan Negeri adalah sangat mendukacitakan kita. Mereka menganggap bahawa tugas ini bukanlah Kerajaan Negeri tetapi adalah tugas BSN dan Kerajaan Pusat.

Saya harap satu kempen pelajaran mengenai anti-korupsi ini perlu dilancarkan di semua peringkat baik di peringkat awam atau di peringkat rakyat Malaysia. Ini adalah sangat mustahak.

Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh aktiviti 6) di bawah Butiran 1100 mengenai Pusat Biro Narkotik.

Tuan Pengerusi: Maksud berapa?

Tuan Chan Teck Chan: Maksud B. 49.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, saya perlu mengingatkan Kerajaan bahawa masalah dadah ini, kalau kita membaca sejarah umpamanya satu film mengenai peperangan candu, saya anggap bahawa masalah dadah ini adalah sangat serious kalaulah Kerajaan lalai untuk bertindak cepat untuk mencegah masalah ini berlanjutan.

Di sini saya merasa kesal walaupun majoritinya bilangan penagih dadah terdiri daripada pemuda-pemudi Malaysia dan sudah bertambah setiap tahun, tetapi hanyalah ada tiga buah Pusat Pemulihan Dadah di Malaysia dan pegawai-pegawai dalam menjalankan tugasnya pun sangat berkurangan. Kerajaan bukan sahaja perlu mengadakan Undang-undang yang lebih tegas dan serious untuk memerangi masalah dadah ini atau narkotik, juga Kerajaan perlu melancarkan kempen pelajaran baik di sekolah atau di mana-mana bidang pun yang mustahak, supaya semua rakyat Malaysia boleh menyertai perang anti-dadah ini; kalau tidak, satu hari, sebagaimana saya telah nyatakan tadi dari segi sejarah, musuh negara kita tidak perlu menggunakan apa-apa senjata pun atau sebiji peluru, ini akan menewaskan dan menjahanamkan negara kita. Itulah sebabnya saya menyeru Kerajaan sekarang-kurangnya mendirikan atau menubuhkan sebuah Pusat Pemulihan Dadah di tiap-tiap negeri.

Kalau memerlukan berjuta-juta ringgit, perlu Kerajaan mengeluarkan wang itu untuk mengatasi masalah ini dan menyelamatkan pemuda-pemudi kita daripada terjerumus dalam keadaan yang begitu serious hari ini. Dan juga penguatkuasaan Undang-undang pun sangat mustahak. Kalau Kerajaan hanya

memandang ini dari segi bagaimana cara pengaliran atau pengedaran dadah, memang itu satu-satu cara yang berkesan untuk mencegah, tetapi kita perlu mengingatkan bahawa apakah sebabnya pemuda-pemudi Malaysia hari ini begitu asyik terlibat dalam satu perkara yang dianggap anti-masyarakat. Mereka tahu dan sedar bagaimana bahayanya dadah itu tetapi apakah sebab rakyat Malaysia kian melibatkan diri dalam penagihan dadah ini? Ini adalah satu faktor dan aspek perlulah diperhati dan dikajikan oleh pihak Kerajaan supaya negara kita boleh diselamatkan daripada menjadi sebuah negara seperti yang berlaku Tiongkok pada zaman lalu.

3.41 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya juga akan menyentuh tentang B.49 berkaitan dengan kegiatan Biro Siasatan Negara. Saya merasakan bahawa di dalam usaha Biro Siasatan Negara untuk mencegah rasuah ini BSN seharusnya menjalankan usaha-usaha yang lebih tegas dan berani, dan ini bergantung kepada kuasa-kuasa yang diberikan kepada BSN itu sendiri untuk menjalankan kegiatan-kegiatan.

Saya merasakan bahawa BSN tidak begitu mempunyai kuasa yang cukup bebas untuk menjalankan tindakan-tindakan secara yang berkesan memandangkan bahawa sesuatu tindakannya itu bergantung pula kepada kuasa-kuasa orang lain untuk menentukannya. Dengan sebab itu saya dapati bahawa tindakan-tindakan BSN ke atas ikan-ikan yang besar kita kelihatan ada kaitannya dengan pergolakan-pergolakan politik. Jadi, kalau sekiranya pergolakan-pergolakan politik itu mencabar setengah-setengah golongan, maka BSN pun akan mengambil tindakan ke atas orang-orang yang berkenaan, tetapi jika sekiranya pergolakan-pergolakan politik itu tidak menyentuh golongan-golongan tertentu dan keteguhan politik golongan-golongan tertentu, maka kita dapati walaupun telah nyata kedengaran dan walaupun sudah menjadi rahsia umum bahawa kegiatan dan tindakan orang yang berkenaan itu meragukan dari segi ia melakukan rasuah atau tidak tetapi tidak juga diambil tindakan kerana ianya tidak menyentuh kepentingan dan keutuhan politik golongan-golongan tertentu.

Dengan sebab itulah maka saya lihat bahawa beberapa tindakan baik masa yang lalu atau masa beberapa hari ini pun ada kaitan dengan krisis-krisis politik di tempat-tempat ataupun di kawasan-kawasan yang berkenaan yang melibatkan orang-orang yang dituduh itu. Ini adalah suatu gambaran yang memberi kesan buruk kepada peranan BSN itu di mata orang ramai yang menyebabkan orang ramai tidak begitu mempercayai atau tidak begitu confident mengenai kesungguhan BSN dalam menghapuskan rasuah.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, yang akan saya sentuh di sini ialah, mengenai sistem dan juga undang-undang bagi menghapuskan rasuah ini. Di dalam mengemukakan pindaan Perlembagaan tidak berapa hari yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan kepada kita beberapa keadaan di mana orang-orang yang melakukan rasuah itu sukar hendak dihadapkan kepada mahkamah kerana tanda-tanda yang ia melakukan rasuah itu, tidak boleh dijadikan sebagai bukti dalam mahkamah. Ini menunjukkan bahawa sistem ataupun undang-undang itu sendiri tidak menyeluruh dan tidak lengkap sehingga ia tidak mempunyai keupayaan untuk menjadikan tanda-tanda itu sebagai satu bukti. Dan saya waktu membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) itu mencadangkan supaya diadakan pindaan atau menukar sistem perundangan itu kepada sistem yang mempunyai keupayaan untuk menjadikan gejala-gejala dan tanda-tanda rasuah itu sebagai satu bukti yang boleh dihadapkan di mahkamah, iaitulah dengan menukarkan kepada sistem perundangan Islam yang khusus mengenai rasuah ini seperti yang dijalankan di zaman Syedina Umar dan juga diteruskan dalam zaman pemerintahan Kerajaan yang berasaskan kepada sistem Islam, iaitulah apa yang disebutkan sebagai mininalakhza ataupun dari manakah kekayaan kamu itu. Ini dijalankan oleh Syedina Umar iaitu apabila pegawai-pegawainya itu kelihatan mempunyai harta kekayaan yang banyak beliau menjalankan hal ini dan menanyakan sumber harta kekayaan yang didapatinya itu. Jika sekiranya harta-harta yang didapatinya itu tidak dapat dibuktikan sumbernya yang halal — sumber-sumbernya yang sah, maka di waktu itu menunjukkan bahawa orang itu

mengambil harta-harta daripada punca-punca yang tidak sah dari segi undang-undang dan sistem ini memberi satu keupayaan untuk dijadikan bukti di dalam mahkamah.

Di dalam sistem kes-kes rasuah bahawa tugas pembuktian itu tidak hanya diberikan kepada orang yang menuduh tetapi juga kepada orang yang dituduh—diluaskan kepada orang yang dituduh apabila ada tanda-tanda bagi pihak mahkamah ataupun Kerajaan bahawa orang yang dituduh itu melakukan kecurangan. Saya juga telah menjelaskan pada waktu itu dan saya harap bahawa pihak Kementerian Undang-undang akan memberi perhatian untuk membaiki keadaan dan menghalangi rasuah supaya jangan menjadi satu penyakit yang besar yang kita tidak dapat ubati lagi. Itulah di dalam sistem ini tidaklah bermakna bahawa kita menukarkan kepada satu konsep perundangan seperti yang dijalankan di negeri Perancis iaitu seorang yang dituduh itu bersalah sehingga ia membuktikan bahawa dia tidak bersalah. Bukan melibatkan penukaran dasar itu dalam perundangan bahkan terus juga mengekalkan seperti mana dasar perundangan kita iaitulah bahawa seorang itu tidak bersalah melainkan setelah mahkamah membuktikan sebagai bersalah.

Di dalam sistem undang-undang untuk mencegah rasuah yang dijalankan oleh Syedina Umar di dalam pemerintahan Islam yang lain iaitu sistem minaiialakhaza ini tidak terkeluar daripada perundangan yang kita amalkan sekarang.

Tuan Pengerusi, dalam perkara BSN ini juga, saya ingin menekankan bahawa rasuah bukanlah satu yang melibatkan hanya pegawai-pegawai Kerajaan semata-mata atau orang-orang yang mengendalikan urusan-urusan pentadbiran Kerajaan semata-mata tetapi juga melibatkan bahagian-bahagian lain daripada masyarakat kita terutamanya pemberi-pemberi rasuah itu di mana ujud banyak di kalangan ahli-ahli perniagaan menjalankan kegiatan-kegiatan memberi rasuah ini. Dan kegiatan-kegiatan BSN ini haruslah diluaskan kepada mencari punca-punca yang menimbulkan rasuah ini iaitu punca-punca orang-orang yang memberi rasuah, bagaimana keghairahan mereka untuk memberi rasuah demi untuk mendapatkan

keuntungan yang besar dan mempergunakan pegawai-pegawai Kerajaan bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut.

Dengan sebab itu lebih adil bagi BSN untuk memberikan perhatian yang lebih besar kepada golongan-golongan yang memberi rasuah ini dan juga memerhatikan kegiatan-kegiatan mereka bagaimana mereka mendapat kekayaan yang banyak dalam waktu yang singkat, adakah mereka mendapat kekayaan ini melalui cara-cara mereka memberi rasuah ataupun cara-cara yang sah dan halal dari segi undang-undang? Pemerhatian kita hanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja tidaklah adil dan tidaklah mungkin untuk menghapuskan rasuah ini kalau kita mengabaikan orang-orang yang memberi rasuah.

Ini bukan bermakna bahawa saya tidak bersetuju langkah-langkah ataupun tindakan-tindakan diambil terhadap orang-orang yang menerima rasuah, tetapi pegawai-pegawai Kerajaan ataupun orang-orang yang berkuasa menerima rasuah tetapi pemerhatian hendaklah diberikan kepada seluruh faktor-faktor yang menimbulkan penyakit yang merbahaya ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

3.52 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh B. 49, Pecahan-kepala 1100, Perkara (6) Pusat Biro Narkotik.

Daripada ucapan Timbalan Menteri Undang-undang tadi sejumlah wang telah diminta kerana mengadakan pameran Anti-Dadah Kebangsaan pada tahun 1977. Saya ingin menyatakan bahawa pameran-pameran yang semacam ini sepatutnya kita tambahkan terutama sekali di bandar-bandar kerana melalui pameran-pameran ini maka dapatlah ibubapa dan juga warganegara yang bertanggungjawab mengambil tahu dan mempelajari tentang apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan dadah dan apakah bahaya-bahaya yang sebenarnya dan bagaimanakah cara-cara untuk mengelakkan perkara ini daripada menjangkit dan seterusnya merebak kepada anak-anak kita yang belum

lagi dijangkiti oleh wabak dadah ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya pameran-pameran ini hendak diadakan pada masa-masa hadapan, saya mintalah supaya pameran-pameran kalau hendak diadakan di kawasan-kawasan luar bandar terutama sekali di sekolah-sekolah maka hendaklah pameran ini dihadkan di dalam konteks yang sesuai dengan keadaan tempat. Ertinya jangan kita cuba hendak membawa sesuatu pameran yang mungkin membawa satu kesan yang negatif. Ertinya mungkin anak-anak di sekolah yang berkenaan itu belum lagi mengetahui apa itu yang dimaksudkan dengan heroin dan berbagai-bagai jenis lagi dadah-dadah yang kita dapati yang mungkin dapat dipamerkan oleh Biro Narkotik Negara. Jadi memadailah pameran ini kalau kita mengadakan perkara-perkara seperti candu; perkara ini sudah lumrah dan biasa sangat dikenali oleh masyarakat kita daripada zaman ke zaman dan di samping itu pameran ini boleh dihadkan kepada karta-karta, gambar-gambar dan keterangan-keterangan dan mungkin juga kepada slides dan filem-filem yang mungkin dapat diperlihatkan sewaktu pameran tersebut dijalankan.

Tuan Pengerusi, dari segi memerangi dadah ini, saya rasa tidak ada seorang pun warganegara di Malaysia pada hari ini yang tidak bersetuju kalau perkara ini diperkuatkan lagi dan ditambahkan lagi segala usaha sepertimana yang telah disebutkan dalam Dewan ini pada masa yang lepas.

Perkara yang kedua yang hendak saya sebutkan ialah Pecahan-kepala 1100, perkara (7) Biro Siasatan Negara. Saya bersetuju bahawa Biro Siasatan Negara ini hendaklah diperkembangkan dan ditambah lagi segala pegawainya supaya kerja-kerjanya pada masa hadapan lebih berkesan lagi dan di samping itu saya rasa adalah terlalu tidak adil kalau kita di sini hanya bangun hendak mengecam kerja-kerja yang dijalankan oleh BSN tanpa mempertimbangkan apa yang telah dibuat itu, kalau dibandingkan dengan kemampuan dan tempoh yang diberikan mulai BSN ini ditubuhkan dan mulai bekas BSN—apa namanya saya tidak dapat sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, yang telah ditubuhkan itu. Maka daripada rekod-rekod kita dapati banyak juga kes-kes yang telah dibawa oleh BSN yang lumrah dapat dibaca daripada akhbar-akhbar pada tiap-tiap hari. Jadi di samping kita mencadangkan sesuatu, di samping kita mengkritik tentang soal kerja BSN ini sepatutnya kalaupun pihak

Pembangkang tidak mahu memberi pujian, biarlah saya mengambil kesempatan memberi sedikit kepujian walaupun tidak banyak kepujian kepada kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak BSN setakat hari ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh perkara BSN juga iaitu cara aduan-aduan yang dibuat oleh warganegara yang bertanggungjawab dan mungkin juga warganegara yang hendak mencari sesuatu daripada laporan-laporan ini, saya rasa kalau sekiranya pihak Kementerian atau Timbalan Menteri sendiri hari ini hendak menimbangkan soal kad yang dicadangkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi, saya suka membawa satu kemungkinan yang negatif. Kad-kad ini atau surat-surat jawapan ini yang menandakan surat ini diterima oleh pihak BSN, ini kalau pun belum dibuatkan lagi; mungkin pada orang-orang yang bertanggungjawab ini akan menjadi suatu penghargaan yang besar dan perkara ini disimpan secara bertanggungjawab kerana soal ini adalah soal rahsia. Kalau benda ini sudah tidak dijadikan rahsia, dipamerkan kepada umum bahawa saya telah melaporkan satu kes kepada BSN, maka orang yang mungkin disiasat oleh BSN ini akan cuba melarikan perkara-perkara yang mungkin menjadi bahan-bahan siasatan kepada pihak pegawai-pegawai BSN tempatan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya rasa soal hendak memberikan kad ini tidak patut juga kita berikan, apatah lagi kalau sekiranya bahan-bahan yang dikemukakan oleh seseorang itu belum lagi dapat dipertanggungjawabkan, belum lagi dapat dibuktikan bahawa bahan-bahan itu betul. Jadi kalau sekiranya bahan itu tidak betul, sudahpun dapat diberi perakuan secara tidak langsung diterima bagi pihak BSN mengatakan diterima surat itu tetapi mungkin pada orang yang menghantar surat dan menerima kad itu mengatakan ini satu pengakuan daripada pihak BSN bahawa sekian-sekian telah berlaku. Ini juga mungkin akan membawa satu akibat yang tidak baik dan saya rasa cadangan ini sepatutnya tidak boleh dipertimbangkan. Ini terpulunglah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Itu pendapat saya, Tuan Pengerusi.

Perkara yang ketiga mengenai BSN ini, Tuan Pengerusi, saya juga tidak bersetuju kalau sekiranya BSN ini hanya cuba memancing ikan-ikan bilis, kalau jerung-gerungnya ditinggalkan. Mungkin juga pukuk-pukuk

BSN ini adalah terlalu kecil bagi jerung-jerung. Tetapi di samping itu daripada rekod-rekod yang kita dapat baca dalam akhbar-akhbar sebenarnya saya rasa kenyataan ini tidak betul, jadi dukacitalah saya tidak dapat bersetuju dengan Wakil dari Baling yang mengatakan ikan-ikan besar dan ikan-ikan kecil dibeza-bezakan—lebih kurang begitulah cakupannya tadi, dan juga beliau mengatakan bahawa.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Untuk penjelasan, saya benarkan.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat dari Tanah Merah tidak memahami apa yang saya katakan tadi. Saya mengatakan bahawa ikan-ikan besar itu kita lihat yang diambil tindakan ada kaitan dengan krisis-krisis politik yang berlaku.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila teruskan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Alhamdulillah, Tuan Pengerusi, saya sampai ke bahagian itu.

Mengenai pergolakan politik dan orang-orang yang tertentu yang terlibat di dalam pergolakan politik ini telah pula cuba disentuh dan disentuh oleh pihak BSN.

Malangnya, Tuan Pengerusi, tidak dapat disebutkan nama di sini oleh sebab-sebab yang tertentu dan khususnya oleh sebab-sebab jatuh kepada perkara sub *judice* kerana setengah-setengah perkara ini masih di mahkamah dan masih di dalam penyiasatan, saya harapkan. Tetapi memadai saya menyatakan bahawa kalau kita perhatikan bukan sahaja di kalangan pemimpin-pemimpin politik atau pemimpin-pemimpin Kerajaan tetapi kita perhatikan juga di bidang-bidang pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang pertama dari segi pemimpin-pemimpin politik ataupun Kerajaan.

Yang kedua dari segi pegawai-pegawai Kerajaan.

Yang ketiga dari segi Angkatan Bersenjata. Semua sekali secara amnya. Maka kita dapati bukan "private-private" sahaja—ini keseluruhannya private di dalam inverted comma bukan saya tujukan khas kepada

tentera—tidak. Saya tuju khas kepada tentera sahaja, tidak. Bukan "private" atau ikan-ikan bilis sahaja yang pernah kita baca di dalam surat khabar, yang pernah disiasat, yang pernah dibawa ke mahkamah, tetapi general-generalnya juga pernah dibawa ke mahkamah, pernah dihukum dan pernah sekian-sekian mengikut peraturan-peraturan dan kuatkuasa undang-undang yang terdapat di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa adalah tidak betul kalau menyatakan bahawa ini adalah berdasarkan kepada pergolakan-pergolakan politik dan apatah lagi di dalam politik ini, memang menjadi lumrah alam, Tuan Pengerusi, apabila seseorang itu sudah sampai ke sesuatu peringkat. Maka sudah tentu sekurang-kurangnya ia akan mempunyai musuh, kalau pun tidak musuh di dalam partinya sendiri tetapi musuh di luar partinya sendiri.

Dan ini juga dapat ditaksirkan sebagai pergolakan politik. Kerana inilah yang ditafsirkan sebagai pergolakan politik maka setiap orang yang dikaitkan dengan politik itu bolehlah dikatakan hasil daripada pergolakan politik. Tetapi tafsiran saya, Tuan Pengerusi, berbeza sedikit, andainya tafsiran itu dipergunakan.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir sekali berkenaan dengan BSN ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkara sikap kurang tegas oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya rasa, Tuan Pengerusi, walaupun disebutkan oleh pihak wakil dari Kota Melaka dia memberi contoh negeri Melaka, tetapi ia menyeluruh kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Saya rasa adalah tidak adil untuk memberi sesuatu anggapan yang menyeluruh, kerana kita tahu Kerajaan Negeri Johor—saya bukan dari negeri Johor, Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri Johor telahpun mengepalai bersumpah memerangi soal-soal ini. Jadi di manakah adilnya perkara yang hendak di generalisekan di sini.

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara-perkara yang semacam ini tak usahlah diambil perhatian sangat oleh Timbalan Menteri yang berkenaan kerana perkara-perkara ini adalah saya anggapan perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong permintaan daripada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.03 ptg.

Datuk Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya suka mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Kementerian ini.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih yang menyatakan tentang keputusan Privy Council mengenai dengan satu kes di mana seorang telah dihukum di bawah ISA dan appealnya telah dibenarkan. Sukalah saya menyatakan di sini iaitu setakat ini kita belum lagi terima dengan secara rasmi order dan judgement daripada Privy Council mengenai dengan appealnya di bawah ISA ini.

Setelah kita terima hukuman atau order daripada Privy Council nanti, bolehlah Kementerian saya membuat kajian di atas kes-kes yang berhubung dengan kes-kes yang telah dibicarakan di Privy Council itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih juga mahu tahu tentang tindakan yang telah diambil oleh BSN terhadap perbuatan-perbuatan rasuah di dalam perkara pendatang-pendatang haram dari Vietnam.

Di sini, sukacita saya menyatakan iaitu BSN sekarang sedang memberi perhatian mengenai dengan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, menuduh yang BSN ada mengamalkan diskriminasi di dalam menjalankan tindakannya dan melahirkan harapan supaya BSN bertindak lebih tegas dan cekap dalam menjalankan kerja-kerjanya.

Di sini, saya suka menyatakan iaitu Kerajaan kita sentiasa memandang dengan serious perkara perbuatan rasuah di dalam negara kita. BSN adalah satu badan yang bebas dan BSN boleh bertindak dengan tidak payah menurut apa-apa arahan.

Tuan Pengerusi, yang menjadi perkara kesulitan ialah mendapat keterangan-keterangan yang cukup untuk dibawa satu-satu kes itu ke mahkamah. BSN bertindak dengan tidak memilih sama ada seseorang itu tinggi pangkatnya ataupun rendah. Sama ada sese-

orang itu ahli politik, ahli perniagaan, pegawai Kerajaan, Menteri atau sesiapa pun.

Di dalam negara kita ini apa yang kita kena ingat ialah kita berpegang teguh kepada rule of law. Dan kita ada sistem perundangan dan sistem-sistem keterangan yang tegas di dalam mahkamah-mahkamah. Sebelum daripada BSN dapat membawa kes-kes ke mahkamah ianya terpaksa terlebih dahulu menentukan yang keterangan-keterangan itu mencukupi. Kadangkala, kita tidak dapat kerjasama daripada orang-orang yang terlibat ataupun daripada orang ramai.

Berkenaan dengan penambahan pegawai-pegawai, di sini saya suka menyatakan iaitu baru-baru ini BSN telah mengambil lebih daripada 100 orang Penolong Pegawai Penyiasatan. Dan setengah-setengah daripada mereka itu sekarang ini sudahpun ada dalam latihan. BSN juga menghantar pegawai-pegawainya ke seberang laut untuk mendapatkan latihan-latihan yang tertentu. Kita boleh katakan BSN di negara kita ini adalah satu-satunya badan yang serupa itu yang boleh dikatakan cekap di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyatakan banyak komplek-komplek dan surat-surat yang tidak diberi layanan oleh BSN. Sebelum daripada satu-satu komplek dan sebelum daripada surat-surat yang dihantar kepada BSN itu dapat disiasat maka komplek-komplek dan surat-surat itu mestilah mempunyai asas. Surat-surat itu tidak payah ditandatangani dan dengan adanya kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti yang bertambah daripada BSN kita berasa sukacita kerana setengah-setengah Jabatan Kerajaan telah menambah kecekapan kerjanya.

Ahli Yang Berhormat dari Baling juga melihatkan supaya BSN bertindak lebih tegas dan berkesan. Ahli Yang Berhormat juga menyatakan ada kalanya BSN memilih hanya ikan-ikan kecil sahaja diambil tindakan dan berharap supaya ikan-ikan besar juga dapat ditangkap.

Tuan Pengerusi, saya telah menyatakan tadi BSN bertindak dengan tidak menghiraukan sama ada seseorang itu orang besar ataupun orang kecil. Apa yang penting ialah sama ada satu-satu kes itu mempunyai cukup

keterangan sebagaimana yang kita dapat lihat masa-masa yang lampau beberapa orang yang mempunyai kedudukan telahpun diseretkan ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, BSN sekarang mempunyai banyak kerja dan banyak kes-kes, jadi di sinilah kadangkala ada kelewatan sedikit untuk membawa kes-kes ke mahkamah dengan cepat. Satu perkara yang kita patut ingat ialah pindaan kepada Perlembagaan yang telah diluluskan beberapa hari yang lalu membolehkan juga Kerajaan bertindak terhadap pegawai-pegawai yang didapati melakukan rasuah, tetapi tidak mempunyai keterangan yang cukup untuk dibawa ke mahkamah. Jadi, tidaklah benar kalau dikatakan Kerajaan kita tidak bertindak tegas terhadap mereka yang melakukan perbuatan rasuah. Ahli Yang Berhormat juga meminta supaya orang yang memberi rasuah itu juga diambil tindakan. Di bawah undang-undang kita dan amalan sekarang suka saya menyatakan iaitu mereka yang memberi rasuah juga diambil tindakan. Dan juga banyak di kalangan ahli-ahli perniagaan juga telah diambil tindakan dan dibawa ke mahkamah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga menyentuh berkenaan dengan Aktiviti-aktiviti BSN dan apa yang telah diutarakan oleh beliau itu telahpun saya jawab sekejap tadi.

Berkenaan dengan perkara dadah di bawah Biro Narkotik yang telah diutarakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Biro Narkotik sekarang ini berada di bawah jagaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri maka saya akan bawa pandangan-pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu pada rakan saya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,100,000 untuk Kepala B. 49, \$550,000 untuk Kepala B. 50 dan \$301,000 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$23,700 untuk Maksud B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengemukakan Anggaran

Tambahan Ketiga tahun 1977 dan Anggaran Tambahan Pertama tahun 1978 di bawah Maksud B. 52. Sila.

Kepala B. 52 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 52 (Jadual Kedua)—

4.18 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan sebanyak \$4,500,000 di bawah Kepala B. 52 Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebagai sebahagian dari Jadual Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 1977 dan sebanyak \$238,361 di bawah Kepala B. 52, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebahagian dari Jadual Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama Tahun 1978.

Tambahan yang diperlukan bagi tahun 1977 adalah bagi Pecahan Kepala 1100—Gaji dan Upahan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Perintah No. 29 tahun 1978. Sementara tambahan yang diperlukan bagi 1978 adalah bagi Pecahan-kepala 2500—Sewaan untuk aktiviti Pentadbiran Keselamatan Sosial, sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Perintah No. 20 tahun 1978.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Bagi Tahun 1977 ekoran dari perlaksanaan gaji Jawatankuasa Kabinet ini, jumlah perbelanjaan di bawah Pecahan-kepala Gaji dan Upahan bagi Kementerian saya telah bertambah sebanyak \$4,626,482 daripada peruntukan asal yang telah diluluskan sebanyak \$12,950,400. Tambahan ini adalah berupa tunggakan-tunggakan gaji dan juga pembayaran berdasarkan gaji baru Jawatankuasa Kabinet mulai 1hb Januari, 1976. Dari peruntukan sebanyak \$4,626,482 itu tambahan yang diperlukan cuma \$4,500,000 sahaja oleh kerana Kementerian saya dapat mengadakan sedikit simpanan daripada pecahan-pecahan kepala lain kepada Pecahan-kepala Gaji.

Bagi Tahun 1978 peruntukan tambahan yang diperlukan oleh Kementerian ini, adalah untuk penyewaan komputer berserta alat-alatnya iaitu Data Entry System, Key-punch dan Data Module dari Universiti Malaya

dan Universiti Teknologi Malaysia oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial sejak bulan Januari 1977 hingga bulan Mei 1978.

Perlu saya maklumkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial telah mengambil keputusan membeli komputer oleh kerana penggunaan komputer ini cara pembayaran caruman oleh majikan akan dapat dipermudahkan di mana penggunaan setem akan diganti dengan penggunaan 'cek'. Di samping itu kerja-kerja mendaftar majikan-majikan dan pekerja-pekerja dapat dijalankan dengan lebih teratur lagi.

Komputer Pertubuhan Keselamatan Sosial ini telah dipasang di dalam bulan Mei 1978. Sebelum pemasangan komputer tersebut Pertubuhan Keselamatan Sosial telah terpaksa menyewa komputer, akibat dari kebakaran bangunan Campbell Complex di dalam tahun 1976 di mana Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial Bahagian Akaun dan juga Pejabat Tempatan PERKESO Kuala Lumpur telah ditempatkan.

Akibat dari kebakaran tersebut semua rekod-rekod kewangan dan daftar majikan-majikan dan pekerja-pekerja di kedua-dua pejabat tersebut telah musnah dan ini menyebabkan Pertubuhan Keselamatan Sosial terpaksa menjalankan kerja-kerja pemulihan. Oleh yang demikian memandangkan Pertubuhan Keselamatan Sosial telah mengambil keputusan untuk menggunakan komputer, kerja-kerja pemulihan tersebut lebih elok dibuat terus di dalam komputer tape. Dengan ini dapat mengelakkan kerja-kerja berulang. Untuk itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial telah terpaksa menyewa komputer daripada Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaya sebelum komputernya dapat digunakan.

Tuan Pengerusi, tambahan-tambahan peruntukan yang diperlukan di atas tidak dapat dielakkan dan telah tidak dijangka semasa Anggaran 1977 dan tahun 1978 disediakan. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B. 52 dalam Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 berjumlah \$4,500,000 dan juga B. 52 dalam Anggaran Tambahan Pertama tahun 1978 bagi Mengurus sebanyak \$238,361 sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.24 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan penuh kepada Anggaran Tambahan Ketiga tahun 1977 dan 1978 seperti mana yang diminta oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sebagaimana yang kita telah dengar daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sepertimana kita sedia maklum tambahan ini adalah sangat perlu kerana perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, terutama sekali berkenaan kenaikan gaji, dengan adanya kenaikan gaji di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet yang baru diluluskan. Kedua, berkenaan dengan sewa mesin komputer, iaitu satu sistem pemodenan perjalanan pejabat-pejabat di bawah Kementerian berkenaan.

Berhubung dengan perkara 15 ini, iaitu Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, ingin saya menyentuh B. 52 yang jumlahnya \$4.5 juta sedikit sebanyak berkenaan dengan betapa pentingnya tenaga rakyat yang diawasi oleh Kementerian tersebut. Berhubung dengan perkara ini saya minta dan merayu kepada Kementerian berkenaan supaya satu perkara yang agak penting kepada negara kita pada hari ini perlulah dipandang serius oleh Kementerian berkenaan terutama sekali berkenaan dengan work-to-rule oleh pekerja-pekerja daripada MAS yang mana satu perkara yang tak patutnya berlaku oleh pekerja-pekerja tersebut kerana tindakan mereka itu boleh menyusahkan semua rakyat, apatah lagi negara kita yang sedang membangun. Kepercayaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri kita pergi ke luar negeri hendak menarik pemodal-pemodal supaya datang ke negara kita untuk membanyakkan perusahaan-perusahaan tetapi kalaulah pekerja-pekerja penerbangan MAS ini sedang mengambil sikap sepertimana yang mereka adakan, saya kluatir dan takut-takut pemodal-pemodal luar curiga hendak datang ke negara kita kerana adanya pertelingkahan yang sedang berlaku dan perkara ini patutlah diberi perhatian yang serius oleh Kementerian berkenaan dan jika perlu pihak Industrial Court kenalah ambil tindakan kerana pada 9hb saya hendak balik ke Pulau

Pinang lebih kurang pukul 3.00 petang tetapi kapalterbang digendalakan lebih kurang 3 jam.

Apabila saya bertanya di lapangan terbang apa sebab jadi begini? Mereka kata: work-to-rule. Saya jawab, maaf, Tuan Pengerusi, saya gunakan bahasa Inggeris: They never work-to-rule, they break all the rules and they never obey the rules. Jadi kapalterbang saya yang sepatutnya sampai ke Pulau Pinang lebih kurang pukul 3.45 petang; sampai pukul 7.00 malam. Perkara yang semacam ini berlaku dan banyaklah orang-orang luar negeri datang ke negara kita, mereka menyampah perkara ini tidak patut berlaku. Di samping itu kita tengok penerbangan SIA, negara jiran kita, perjalanannya adalah lebih teratur daripada negara kita. Ini bukanlah silap pekerja-pekerja itu, saya agak ini silap pihak MAS sendiri. Lebih kurang 3 atau 4 bulan lepas mereka sendiri mengisytiharkan MAS telah membuat keuntungan \$21 juta lebih. Oleh kerana dengan adanya pengisytiharan \$21 juta lebih keuntungan itu pihak pekerja ini memandang serius, sebahagian daripada itu patutlah diberi kepada mereka. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian yang berkenaan supaya memandang perkara ini serius dan tolonglah selesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara mengenai masalah pekerja-pekerja ini yang saya agak serius juga kepada kita, terutama sekali Ahli-ahli Dewan. Akhir-akhir ini kita tengok di dalam Dewan ini Hansardnya terlalu lambat datang. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana mereka ini work-to-rule saya agak kerana Hansard dahulu apabila kita bercakap hari ini, besok dapat, tetapi oleh kerana pekerja dihadkan diberi oleh Kerajaan jangan bekerja lebih daripada masa, mereka bekerja sampai pukul 4.15 petang, dengan sebab itulah perkara-perkara yang tidak patut berlaku telah berlaku dan kita semua berasa hairan mengapa Hansard kadang-kadang 4-5 hari baru keluar selepas kita bercakap. Ini perlu juga diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan supaya kita tolonglah menyelesaikan kerana dalam Majlis Dewan yang mulia ini adalah satu tempat yang kita hendak berbincang secara serius. Kalau perkara-perkara kecil ini berlaku di dalam Dewan ini apatah lagi lebih besar berlaku di luar Dewan ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang perlu saya agak Kementerian ini patut memberi pandangan serius juga di kampung-kampung ada perkara-perkara yang sedang berlaku kerana tuan-tuan estet kecil itu fahaman satu parti maka parti yang lain itu menjadi penorehnya, maka mereka ini dibuang kerja kerana sebab kepercayaan parti. Ini juga perlu diberi perhatian oleh Jabatan Buruh kerana banyak sangat orang jadi mangsa. Orang-orang yang macam kita ini malangnya tidak ada estet, orang yang ada estet ini orang dari parti Pembangkang, mereka ada banyak estet. Jadi pekerja itu adalah orang kita, orang yang menyokong Barisan Nasional, apabila menang Barisan Nasional, orang ini dibuang kerja. Di tempat saya banyak berlaku perkara seperti ini, kalau boleh saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berilah arahan kepada Jabatan Buruh di tempat saya, cubalah menyasat perkara ini supaya dapat diselesaikan dengan sempurna supaya orang kita yang menyokong kita itu boleh menyokong selama-lamanya.

Lagi satu perkara yang perlu saya sebut di sini, tiap-tiap perusahaan yang akan mengadakan perusahaan mereka di mana-mana juga, terutama sekali di tempat saya, di Tikam Batu, di Sungai Petani dan sebagainya, syarat dikenakan mestilah mengambil pekerja-pekerja daripada golongan Bumi-putra, tetapi pengambilan pekerja-pekerja itu adalah tidak seimbang, hanya buruh-buruh kasar, jaga dan sebagainya diberi peluang kepada Bumiputra. Oleh yang demikian, saya mintalah dengan jasa baik Menteri yang berkenaan supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku di mana-mana juga di dalam negara ini—bukanlah saya bercakap untuk Kedah sahaja, tetapi seluruh negara, kalau syarat dikenakan begitu, berilah pekerjaan itu segenap tingkat, segenap peringkat supaya perimbangan bangsa yang bekerja itu patutlah diselaraskan seperti-mana dikehendaki oleh undang-undang.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong 100% supaya peruntukan tambahan ini diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

4.32 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan perbelanjaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan juga ingin menyenut perkara B. 51 mengenai Pentadbiran Am.

Saya berharap Kementerian ini dengan cara bersungguh-sungguh supaya mendaftarkan penganggur-penganggur di Malaysia, iaitu mendaftar di Jabatan Buruh yang disediakan sekarang dan kalau boleh diluaskan lagi Pegawai-pegawai Pendaftar Buruh ini ke peringkat daerah. Selain daripada itu, kita berharap sesudah penganggur-penganggur itu didaftarkan, maka Kementerian ini hendaknya dapat bekerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya tidak mengambil buruh-buruh yang tidak ada berdaftar dalam Kementerian Buruh ini.

Apa yang berlaku sekarang ialah, walaupun ada pendaftaran buruh itu, akan tetapi banyak majikan-majikan yang telah mengambil buruh-buruh lain daripada yang mendaftar kepada Jabatan Buruh. Perkara ini patutlah seboleh-bolehnya dielakkan supaya kita dapat mengelakkan perasaan tidak puas hati dan tentunya, pendaftaran inilah satu cara dapat kita mengetahui buruh yang benar-benar buruh dan yang benar-benar hendak bekerja.

Selain daripada itu, saya hendak bercakap mengenai Lembaga Latihan Perindustrian yang saya difahamkan tentulah Lembaga Latihan Perindustrian ini melatih buruh-buruh. Oleh kerana itu, patutlah perkara ini dapat diluaskan, dapat dibesarkan dan dapat diberitahu dengan lebih meluas lagi supaya mereka yang berminat akan dapat memasuki latihan ini.

Saya suka juga menyebutkan perkara berkenaan gaji minima. Walaupun kita telah tidak menerima akan beberapa cadangan gaji minima ini, akan tetapi Kementerian ini patut juga mengawasi perkara-perkara yang boleh merugikan pekerja-pekerja itu dengan kerana tidak ada timbang rasa daripada majikan-majikan. Seperti yang kita tahu umpamanya mereka mendapat gaji yang terlalu rendah, \$2-\$3 satu hari, elok juga walaupun bukan secara undang-undang, akan tetapi boleh diberi anjuran atau dikawal oleh Kementerian ini supaya mereka yang tidak bernasib baik tidak akan begitu teraniaya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai Kertas Perintah 29 tahun 1978 di mana tambahan sebanyak \$4,500,000 telah diminta untuk membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian Buruh.

Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Aktiviti (2)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan.

Tuan Pengerusi, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Bahagian Buruh dan Perhubungan Perusahaan boleh memainkan satu peranan yang amat penting untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara pihak majikan dengan para pekerja demi kepentingan, keharmonian dan keamanan perindustrian.

Dalam hubungan ini, saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri ini kepada satu masalah yang timbul sekarang dan pada anggapan saya adalah satu perkara yang mustahak dan ini adalah berkaitan dengan pertikaian di antara Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) dengan Kesatuan Sekerja MAS. Akibatnya tindakan kerja mengikut masa yang telah dijalankan oleh pekerja-pekerja yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, akibat tindakan yang telah diambil oleh kesatuan yang berkenaan banyak kesusahan telah timbul di lapangan terbang, bukan sahaja di Subang, tetapi juga di lapangan terbang-lapangan terbang yang lain. Memandangkan bahawa perkara ini adalah amat penting dan mustahak, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menggunakan jasa baiknya untuk mencari satu jalan yang sesuai untuk mengatasi masalah itu.

Saya telah difahamkan bahawa satu laporan telahpun disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri oleh Bahagian Perhubungan Perusahaan mengenai pertikaian ini dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan mengenai apa tindakan yang beliau akan ambil untuk mengatasi masalah itu.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menjawab.

4.37 ptg.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran dalam perbincangan ini.

Yang Berhormat dari Ulu Muda bersama-sama juga Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh perkara kerja mengikut masa, atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, work-to-rule, MAS kita yang kononnya telah menyusahkan orang ramai yang tidak berdosa.

Tuan Pengerusi, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya perkara ini telah terjadi beberapa hari yang lalu dan pada 11hb Disember tahun ini iaitu pada hari Isnin, minggu ini, pihak MAS telah pun melaporkan perkara ini kepada saya untuk diuruskan.

Sebaik sahaja Kementerian saya mendapat laporan itu daripada pihak MAS, pegawai Kementerian saya dengan serta-merta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyelesaikan perkara itu. Dan, Tuan Pengerusi, sampai hari ini saya sendiri telah menjemput Ketua Kesatuan Sekerja yang berkenaan itu untuk berunding dan mereka itu telah datang kepada Kementerian saya bersama-sama penasihat undang-undang mereka itu. Saya suka melaporkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak kesatuan itu akan mencuba sedaya-upaya untuk menghentikan sebarang tindakan yang telah dipandang sebagai bekerja mengikut masa (work-to-rule). Saya harap janji mereka yang telah dibuat kepada saya sendiri pada lebih kurang pukul 2.30 petang ini akan dikotakan dan pegawai-pegawai saya memang memandang serius atas perkara ini kerana amalan work-to-rule ini telah menyusahkan orang ramai yang tidak berdosa dan Pegawai-pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan ini yang memang telah bertungkus-lumus dari awal lagi untuk mencari ikhtiar supaya menyelesaikan perkara ini akan terus menjalankan tugas-tugas mereka dengan sedaya-upaya untuk mencapai suatu penyelesaian secepat yang mungkin.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan syak hati work-to-rule yang barangkali sedang diamalkan dalam Parlimen kita sendiri, ini adalah satu perkara yang juga dipandang serius oleh Kementerian saya. Sebenarnya pegawai-pegawai daripada Jabatan Perusahaan kita pun sedang mengambil perhatian dan sedang menjalankan rundingan dengan Pegawai-pegawai Parlimen yang berkenaan untuk mengambil tahu apakah keadaan yang sebenarnya dan saya yakin dalam sedikit masa lagi perkara ini pun dapat diselesaikan.

Berkenaan dengan pekerja yang dikatakan dibuang di dalam estet, sebab campur tangan oleh ahli-ahli politik kita, Kementerian saya akan menyiasat sekiranya butir-butir yang lebih lanjut lagi dapat diberikan kepada saya ataupun pegawai saya di peringkat tempatan. Setahu saya, Tuan Pengerusi, perkara yang semacam ini pada masa yang lampau, apabila sahaja ada laporan yang telah dibuat kepada Pejabat Buruh di bawah Kementerian saya, tiap-tiap aduan itu telah disiasat dengan teliti dan di mana-mana boleh tindakan yang sesuai telah diambil. Begitu juga sekiranya ada kes-kes yang baru yang belum diambil tindakan itu, mungkin aduan-aduan itu belum dibuat kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Saya haraplah laporan itu dibuat dengan jelas dan secepat mungkin untuk disiasat nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda menyentuh berkenaan pengambilan pekerja kaum bumiputra yang mungkin di sana sini tidak begitu seimbang kalau dibandingkan dengan pekerja yang bukan bumiputra yang telah diambil untuk sesuatu perusahaan. Tuan Pengerusi, Kementerian saya memang sentiasa mengawasi keadaan itu dan di mana-mana kita dapat aduan ataupun laporan yang menunjukkan satu kemungkinan kurang seimbang pengambilan pekerja bumiputra itu, Kementerian saya sentiasa cuba mengambil tindakan supaya kelemahan itu dapat diperbaiki secepat yang mungkin dan saya ingin memberi jaminan juga di sini amalan Kementerian saya ini akan diteruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah menimbulkan sedikit perkara berkenaan dengan pendaftaran penganggur-penganggur dan beliau berharap supaya aktiviti Kementerian saya ini diperluaskan ke peringkat daerah. Suka saya maklumkan

kepada Dewan ini bahawa memang Kementerian saya telah memperluaskan aktiviti itu ke peringkat daerah mana-mana yang boleh. Sekiranya ada daerah yang belum ada lagi Pejabat Pendaftaran Pengangguran (Employment Office) itu, saya suka memberitahu ini adalah dalam pandangan Kementerian saya dan pada sedikit masa lagi di mana-mana yang boleh Kementerian saya akan mengadakan Pejabat-pejabat Pendaftaran Pengangguran itu.

Berkenaan dengan aktiviti Pejabat Pendaftaran itu, Tuan Pengerusi, memang adalah dalam pengetahuan Kementerian saya bahawa kebanyakan majikan ataupun kilang-kilang masih menjalankan sekim-sekim mereka itu sendiri untuk mengambil pekerja dan tidak mengambil pekerja melalui Pejabat Pendaftaran Pekerjaan. Ini memanglah suatu kelemahan dan saya sendiri pun telah baru-baru ini mengarahkan supaya pegawai-pegawai kita yang menjaga Pejabat Pendaftaran Pekerja-pekerja kita supaya mendampingi lagi majikan-majikan kita supaya kita dapat tahu apakah keperluan majikan supaya pada suatu hari nanti majikan-majikan tersebut dapat mengambil pekerja mereka yang diperlukan itu dengan menggunakan perkhidmatan yang kita sediakan itu melalui Pejabat-pejabat Pengambilan Pekerja itu.

Berkenaan dengan Lembaga Latihan Perindustrian, Tuan Pengerusi, saya sangat bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam iaitu patutlah diperluaskan lagi dan dibanyakkan lagi dan memanglah ada dalam pandangan Kementerian saya dan ada rancangan juga supaya lebih banyak lagi di mana-mana yang perlu Lembaga Latihan Perindustrian.

Berkenaan dengan gaji minima, Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang saya sendiri telahpun menjelaskan baru-baru ini di Dewan ini iaitu pada setakat ini pihak Kerajaan tidak bercadang supaya mengadakan gaji minima oleh sebab ada banyak masalah pentadbiran yang berkaitan dengan sekim itu, akan tetapi saya suka ulangi juga iaitu walaupun pada setakat ini Kerajaan tidak bercadang supaya mengadakan gaji minima itu, keadaan yang berkaitan itu akan terus diperhatikan dari masa ke semasa dan sekiranya pada satu masa nanti dianggap perlu perkara ini dapat ditimbang dan dikaji semula.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah sahaja jawapan perkara work-to-rule itu yang telah juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar. Sekali lagi saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang telah membantu dalam perbahasan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,500,000 untuk Kepala B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$238,361 untuk Maksud B. 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Kementerian-nya.

Kepala B. 53 dan B. 54 (Jadual Pertama)—Maksud P. 54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—

4.50 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon izin Anggaran untuk Belanja Mengurus Tambahan Ketiga tahun 1977 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1978 bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di bawah tanggungjawab saya iaitu Kepala B. 53, B. 54 dan P. 54 dalam Jadual Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1978 diluluskan.

Tuan Pengerusi, anggaran tambahan sebanyak \$941,000 di bawah B. 53 dan sebanyak \$700,000 di bawah B. 54 untuk perbelanjaan mengurus adalah dikehendaki bagi membiayai pembayaran tunggakan dan gaji kakitangan Kementerian saya dan Jabatan Kimia berikutan dengan penguatkuasanya Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet.

Sebaliknya anggaran tambahan \$248,390 di bawah P. 54 ialah untuk perbelanjaan pembangunan bagi Jabatan Kimia. Daripada \$248,390 sebanyak \$9,690 adalah dikehendaki membiayai pembelian alat-alat mikro biology bagi Cawangan Makmal Ipoh.

\$8,700 adalah dikehendaki membayar harga tanah untuk tapak bangunan Cawangan Kuantan dan bakinya sebanyak \$230,000 ialah untuk bangunan Cawangan Petaling Jaya.

Oleh hal yang demikian, saya berharap kelulusan diberi kepada Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Ketiga 1977 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1978 yang di bawah tanggungjawab saya seperti berikut, ialah berjumlah \$1,889,390. Pecahan-kecil adalah seperti berikut:

- (a) Sebanyak \$940,000 di bawah B. 53
- (b) Sebanyak \$700,000 di bawah B. 54 dan
- (c) Sebanyak \$248,390 di bawah P. 54.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan peruntukan ini diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 53 dan B. 54 berjumlah \$1,641,000 dan Kepala Pembangunan P. 54 berjumlah \$248,390 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

4.56 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas permintaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menambahkan peruntukannya.

Untuk meneruskan sokongan saya itu, ingin saya menyentuh perkara B. 53 (2) mengenai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail. Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail ini kalau tidak salah saya dalam tahun 1975 dahulu telah diisytiharkan untuk didirikan di Sungai Buloh.

Tetapi baharu-baharu ini pula Pusat ini dikatakan akan dipindahkan ke Bangi. Jadi saya merasa bahawa walaupun kejadian pindah memindah Kementerian ataupun Pusat-pusat ini adalah satu-satu perkara yang lumrah, satu-satu perkara yang biasa sahaja, tetapi bagi Pusat Penyelidikan Atom ini tentulah perkara pindah memindah ini, saya rasa tidak harus terjadi. Kerana Pusat yang sebesar ini tentulah kajian-kajian (study) dibuat dari segi kesesuaian dan sebagainya dibuat dengan serapi-rapinya terlebih dahulu.

Saya bimbang, takut kalau-kalau perkara ini terjadi ataupun dengan terjadinya perkara pemindahan daripada Sungai Buloh ke Bangi

ini keyakinan orang ramai terhadap Kementerian ini khususnya dan Kerajaan secara amnya akan terjejas.

Yang kedua, mengenai Pusat ini juga, Tuan Pengerusi, saya amatlah mengharapkan supaya Pusat ini hanyalah digunakan untuk tujuan-tujuan kajian dan perubatan sahaja bukan untuk tujuan-tujuan ketenteraan kerana saya bimbang kalau Pusat ini digunakan untuk tujuan-tujuan ketenteraan, negara-negara lain yang ada interest dengan kita merasa begitu jealous dengan kita akan melakukan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Kalau pun hendak digunakan juga untuk tujuan-tujuan itu biarlah kita gunakan secara senyap-senyap dan jangan diheboh-hebohkan.

Tuan Pengerusi, dalam perkara B. 53 juga ingin saya sentuh mengenai perkara (3) Alam Sekitar bersabit dengan gajah. Masalah gajah ini sudah banyak disebutkan di dalam Dewan yang mulia ini daripada membahaskan Ucapan Titah Diraja sampai kepada Belanjawan dan sebagainya sudah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan tentang masalah gajah. Gajah yang saya maksudkan di sini ialah gajah yang berkecilian yang sentiasa merosakkan tanaman-tanaman yang kita rancang dengan sebegitu hebatnya.

Perkara pokoknya masalah gajah ini adalah begini. Apabila satu-satu kejadian serangan gajah berlaku kepada satu-satu rancangan tanaman khususnya di Ulu Trengganu, Dungun sebaik-baik sahaja kita membuat laporan kepada pihak Mergastua, datanglah Rangernya dua tiga orang mengikut sahaja gajah itu. Orang-orang kampung minta supaya gajah ini ditembak, katanya mereka tidak dibenarkan menembak selagi gajah itu tidak merosakkan tanaman. Di sinilah kesusahannya sedangkan gajah-gajah ini telah melanyak, telah buldoze telah menolak macam bulldozer menolak tanah bukti pokok-pokok kelapa sawit dan pokok-pokok pisang, pondok-pondok petani pun disodoknya seperti yang berlaku di satu kampung di Ulu Dungun yang bernama "Kampung Tok Kak". Bila setiap kali kita melaporkan kepada pihak Mergastua, mereka mengatakan mereka tidak ada kuasa untuk hendak menembak gajah itu. Oleh itu saya memohonlah kepada Kementerian ini agar kebenaran diberi serapi-rapinya kepada pihak Ranger untuk hendak menembak gajah-gajah yang sentiasa merosakkan tanaman.

Tuan Pengerusi, perkara hendak menghalau ataupun hendak menjaga gajah daripada merosakkan tanaman-tanaman ini harus juga diselaraskan dengan pasukan RELA, kerana boleh dikatakan di setiap buah kampung di dalam negara sekarang ini ada ditubuhkan yunit-yunit RELA, dan walaupun yunit-yunit RELA ini ada senapang tetapi yunit RELA ini kadang-kadang ada satu sahaja. Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bolehlah berpakat untuk melatih anggota-anggota RELA ini ataupun memberi peluru yang sesuai untuk gajah itu kerana hendak menembak gajah ini bukan dengan sebarang peluru. Saya rasa kalaulah Kementerian ini dapat melaksanakan perkara ini, insya Allah kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh petani-petani di dalam rancangan-rancangan LPP ataupun rancangan-rancangan pertanian yang lain itu akan dapat kita atasi dengan segera.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong permohonan daripada Kementerian untuk menambahkan perbelanjaannya.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk menjawab.

5.05 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang menarik perhatian berkenaan dengan Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI). Beliau merasa kesal berkenaan dengan kejadian pemindahan pusat ini daripada tapak asalnya di Sungai Buloh ke Bangi. Beliau juga menyuarakan kebimbangannya bukan sahaja kerana hal ini tetapi harapannya supaya pusat ini digunakan semata-mata untuk kajian dan bukan untuk tujuan yang lain. Saya boleh beri penerangan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sebelum Pusat ini mula-mula ditempatkan di Sungai Buloh kajian telah dijalankan oleh beberapa orang pakar bukan sahaja pakar tempatan bahkan juga pakar daripada IAEA iaitu satu badan sedunia yang bertempat di Vienna, Austria yang telah menghantar beberapa orang pakar untuk kajian tempat di Sungai Buloh dan selepas kajian itu mereka telah berpendapat, tempat itu sangat sesuai untuk Pusat tersebut. Tetapi malangnya kita telah tidak sengaja tempat itu ialah satu tapak tanah yang telah juga

diberikan kepada Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Letrik Negara juga ada sebahagian tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor, jadi terlanjur tempat itu diberi dua kali, sekali kepada LLN, sekali lagi kepada PUSPATI dan oleh itu tapak yang sebenar diberi kepada PUSPATI kurang daripada tanah yang kita kemukakan kepada pakar-pakar itu. Dan juga kita pada masa itu pun tidak diberitahu oleh LLN ia akan menyambung lagi satu talian baharu dan oleh yang demikian, kuasa letrik yang mulanya dijangka sangat kecil dan tidak ada apa-apa halangan kepada penubuhan PUSPATI di Sungai Buloh itu telah terjejas oleh kerana kuasa letrik yang akan bertambah apabila talian yang disambungkan oleh LLN dan akan mengganggu beberapa alat makmal yang akan ditempatkan di dalam PUSPATI oleh LLN. Juga hendak menempatkan satu lagi stesyen di Sungai Buloh kita fikir lebih eloklah sebelum kita menempatkan Pusat itu di Sungai Buloh, kita ambil peluang untuk cari satu tempat yang lebih sesuai lagi.

Setelah kita minta pertolongan daripada IAEA itu kita telahpun memilih satu tapak di Bangi dan tapak ini telahpun dikaji oleh pakar-pakar daripada IAEA. Mengikut laporan yang dikemukakan oleh pakar-pakar itu tapak ini adalah lebih sesuai lagi daripada tapak asalnya. Oleh kerana itulah kita telah mengambil keputusan memindahkan Pusat itu ke Bangi. Ini kita fikir lebih sesuai lagi kerana kita juga pandang daripada segi kegunaan Pusat itu oleh beberapa Badan Berkanun, Badan Penyelidikan yang berdekatan dengan Universiti Kebangsaan yang akan boleh menggunakan Pusat ini dan juga tidak berapa jauh daripada Pusat ini ada satu Pusat Latihan LLN dan juga ada satu Pusat Penyelidikan iaitu MARDI dan juga tidak berapa jauh lagi ada Universiti Pertanian. Badan-badan ini akan menggunakan apa yang dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail, kerana itulah kita fikir lebih baik lagi kita gunakan tapak baru ini.

Berkenaan dengan masalah gajah ini adalah satu masalah yang memang selalu timbul. Kita juga adalah bertimbang rasa kepada

petani-petani yang mendapat kerugian kerana tanaman mereka dirosakkan oleh gajah-gajah tetapi kita perlu juga fikir siapa yang datang dahulu-gajah atau manusia. Jadi kerana itu kita perlulah bertimbang rasa kepada binatang juga.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum gajah itu sejenis binatang yang dianggap sebagai sejenis binatang yang akan hilang tidak lama lagi (endangered species) kerana itu kita patutlah dengan seboleh-bolehnya beri perlindungan kepada binatang ini. Kerana itulah kita perlu cari jalan bagaimana kita dapat mengawal supaya gajah-gajah ini jangan merosakkan tanaman dan kita juga telah membuat beberapa cara supaya dapat menakutkan gajah supaya dia jangan merosakkan tanaman dan jikalau tidak dapat dielakkan kita boleh beri arahan kepada pegawai-pegawai dalam Jabatan itu supaya gajah-gajah itu dibunuh. Sebelum kita ambil langkah ini kita cari jalan seboleh-bolehnya supaya kita dapat beri perlindungan kepada binatang ini.

Saya boleh beri makluman kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita juga sentiasa berhubung dengan yunit RELA. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum gajah ini sejenis binatang yang besar dan kuat dan bukan boleh dibunuh oleh senjata yang ada oleh yunit RELA. Senjata yang dipakai untuk bunuh gajah ini adalah sejenis senapang yang menggunakan peluru yang berlainan dan bukan senapang patah boleh gunakan peluru ini.

Tuan Pengerusi, saya fikir sekian sahaja saya hendak menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$941,000 untuk Kepala B. 53 dan \$700,000 untuk Kepala B. 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan wang sebanyak \$248,390 untuk

Maksud P. 54 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang dengan hormatnya saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi Kementeriannya.

Kepala B. 55 dan B. 58 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 55, B. 58 dan B. 65 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 55, P. 56 dan P. 59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1977)—

Maksud P. 55 dan P. 60 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1978)—

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Pengerusi, Tambahan Bekalan bagi Kementerian saya dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya yang diperlakukan bagi tahun 1977 dan 1978 berjumlah \$25,790,806 yang dibahagikan kepada Tambahan Belanja Mengurus sebanyak \$5,981,456 dan Tambahan Belanja Pembangunan berjumlah \$19,809,350. Kedudukan pecahan peruntukan tambahan tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977*

Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga, 1977 ialah berjumlah \$440,000 iaitu bagi maksud-maksud seperti berikut:

	Jumlah tambahan diperlukan
<i>B. 55—Kementerian Perhubungan:</i>	
Butiran 1100 ...	\$310,000
<i>B. 58—Perkhidmatan Kaji-cuaca:</i>	
Butiran 1100 ...	130,000
Jumlah ...	\$440,000

Keterangan lanjut berkenaan dengan Perbelanjaan Tambahan ini ada dinyatakan di Lampiran "A" berpandu kepada Kertas Perintah 29 tahun 1978.

(ii) *Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978*

Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978 ialah berjumlah \$5,541,456 iaitu bagi Maksud-maksud Bekalan seperti berikut:

		Jumlah tambahan diperlukan
<i>B. 55—Kementerian Perhubungan:</i>		
Butiran 4100		\$4,935,671
Butiran 1100	\$ 33,765	
Butiran 1300	2,294	
Butiran 2100	36,000	
Butiran 2500	338,000	
Butiran 2700	92,750	
Butiran 2900	900	
Butiran 3300	61,000	564,709
<i>B. 65—Pengangkutan Jalan:</i>		
Butiran 3300		41,076
Jumlah ...		\$5,541,456

Keterangan lanjut berkenaan dengan perbelanjaan tambahan ini ada dinyatakan di dalam Lampiran "A" berpandu kepada Kertas Perintah 21 Tahun 1978.

(iii) *Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Ketiga 1977*

Tambahan yang diperlukan bagi Belanja Pembangunan Tambahan Ketiga 1977 ialah berjumlah \$16,389,370 iaitu terdiri daripada Maksud-maksud Pembangunan seperti berikut:

<i>P. 55—Kementerian Perhubungan:</i>		
Pecahan-kepala 36—		
Pembesaran dan Penyambungan bagi Wap di Butterworth		\$12,444,202
Pecahan-kepala 51—		
Pembangunan Pelabuhan-pelabuhan:		
(ii) Sibul		758,010
Jumlah ...		\$13,202,212

P. 56—Penerbangan Awam:

Pecahan-kepala 1—	
Pinjaman kepada Penerbangan Awam untuk projek-projek pembangunan	\$ 3,197,148

P. 59—Jabatan Laut:

Pecahan-kepala 4—	
Jeti Penumpang, Pulau Langkawi	10
Jumlah ...	\$16,389,370

Keterangan lanjut berkenaan dengan perbelanjaan tambahan ini ada dinyatakan di dalam Lampiran "A" kepada Kertas Perintah 31 Tahun 1978.

(iv) *Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Pertama 1978*

Tambahan yang diperlukan bagi Anggaran Belanja Pembangunan Tambahan Pertama 1978 ialah berjumlah \$3,419,980 iaitu bagi Maksud-maksud Pembangunan seperti berikut:

<i>P. 55—Kementerian Perhubungan:</i>	
Pecahan-kepala 18—	
Projek-projek pemulihan	\$ 460,000
Pecahan-kepala 61—	
Pelabuhan Kota Kinabalu dan Sandakan	399,990
Jumlah ...	\$ 859,990

P. 60—Jabatan Laut Sarawak dan Sabah:

Pecahan-kepala 5—	
Kapal korek	\$ 2,000,000
Pecahan-kepala 13—	
Ibu Pejabat Laut dan Sekolah Latihan	559,990
Jumlah ...	\$ 2,559,990
Jumlah Besar ...	\$ 3,419,980

Keterangan lanjut berkenaan dengan perbelanjaan tambahan ini ada dinyatakan di dalam Lampiran 'A' pada Kertas Perintah 23 Tahun 1978.

Saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tambahan bagi Kementerian Pengangkutan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun-tahun 1977 dan 1978 yang berjumlah \$5,981,456 untuk Pengurusan dan \$19,809,350 untuk Pembangunan diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pengangkutan adalah terbuka untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.28 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan tambahan yang diminta ini.

Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak Menteri Pengangkutan dan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan yang telah berjaya menyelesaikan sengkita terbuka mereka dengan baik.

Saya mulanya rasa agak cemas melihat seorang ahli politik yang menjadi ahli Kabinet berpolimik secara terbuka dengan pegawai subordinatannya, pegawai di bawahnya yang menjadi seorang Ketua Pengarah. Sama ada

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya minta Ahli Yang Berhormat itu menjelaskan di bawah Kepala berapa dan Butiran berapa yang dibangkitkannya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Maaf, Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala B. 65 iaitu Anggaran Timbalan Pertama, Pertama, 1978 Belanja Mengurus Pengangkutan Jalanraya berjumlah \$41,076.

Saya harap peristiwa seperti yang berlaku itu tidak akan berulang oleh kerana perbalahan atau polimik terbuka mengenai Kementerian dan kerja-kerja di dalam sebuah Kementerian itu hanya akan menggelisahkan rakyat, yang menyebabkan rakyat menjadi confuse.

Tuan Pengerusi, bercakap tentang Jabatan Pengangkutan Jalanraya, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkara perbezaan di di antara bayaran cukai jalan kereta-kereta motor yang berjin diesel dengan kereta-kereta motor yang menggunakan minyak petrol. Saya sudah puas mencari jawapannya dalam kepala saya menyatakan ada perbezaannya ini. Mengapa kita harus bayar road tax injin diesel lebih mahal daripada kereta yang menggunakan petrol. Saya cari dalam

kepala saya secara rasional di belakang perbezaan ini. Mengapa kita harus ada perbezaan? Ada harus

Tuan Mohd. Ali bin Md. Shariff: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sila duduk sebarang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Menurut hemat saya, Kepala P. 65, Pecahan-kepala 3300 ini ialah mengenai Peruntukan Tambahan Perbekalan yang diminta bagi membeli alat-alat bagi pancaran cahaya cermin gelap.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu, nampaknya perkara itu tidak berkaitan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, saya memikirkan bahawa ini ada menyentuh pengangkutan jalanraya walaupun detail di sini tidak dijelaskan untuk apa peruntukan itu diminta. Tetapi kalau saya tidak boleh bercakap tentang perkara itu, bolehlah saya tangguhkan untuk pada masa yang akan datang.

5.28 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala P. 56 mengenai Penerbangan Awam, Pecahan-kepala 1—Pinjaman kepada Penerbangan Awam untuk Projek-projek Pembangunan.

Saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai kepincangan di dalam penerbangan awam ini terutamanya di dalam perkhidmatan MAS melalui pengalaman-pengalaman yang saya dapati sama ada yang saya lami sendiri ataupun daripada kawan-kawan saya iaitu perkhidmatan MAS pada umumnya, ada juga perkhidmatan atau bahagian-bahagiannya yang tidak memuaskan terutamanya dari segi melayan pelanggan-pelanggan di mana seorang yang hendak pergi ke Sabah umpamanya, terpaksa mengambil masa yang begitu lama, untuk menempah tempat masing-masing.

Kalau sekiranya kita hendak menempah waktu yang singkat, sudah tentu tidak dapat kita terbang ke Sabah atau ke mana, melainkan setelah kita menunggu begitu lama. Setelah beberapa kali menaiki

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling, sila duduk sebentar.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya suka menjelaskan bahawa perbekalan yang dikehendaki di bawah P. 56 Penerbangan Awam ini ialah tambahan pinjaman kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam bagi pembinaan Lapanganterbang Pulau Pinang dan tidak ada kena-mengena dengan MAS.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Walaupun begitu, saya rasa bahawa peruntukkan Pembangunan pada keseluruhannya di mana lapanganterbang itu juga untuk kapalterbang MAS mendarat sebab itu tidak boleh dipisahkan dan ada kaitan kerana tidak ada kapalterbang-kapalterbang yang lain barangkali yang hendak mendarat di situ. Jadi ini dengan secara langsung adalah berkaitan.

Saya ingin menyentuh tentang penerbangan saya daripada Pulau Pinang ke Kuala Lumpur oleh kerana Timbalan Menteri berkenaan menyebut lapanganterbang Pulau Pinang itu sendiri, saya telah diberitahu bahawa tidak ada tempat yang kosong di situ. Tetapi saya telah pergi dengan berani dan menunggu di situ akhirnya apabila saya naik dalam kapalterbang itu didapati masih banyak lagi tempat-tempat yang kosong padahal sebelumnya diberitahu tidak ada tempat-tempat yang kosong. Ini sudah tentu merugikan MAS jika sekiranya tidak diperhatikan dalam hal ini dan tidak diatur secara yang teratur. Ini adalah satu kelemahan yang mungkin juga menjadi salah satu sebab kerugian-kerugian yang dialami oleh MAS.

Dengan sebab itu, saya menekankan di sini bahawa jika sekiranya kita memberi peruntukan yang banyak kepada pihak Penerbangan Awam untuk mendirikan lapangan-terbang-lapanganterbang untuk digunakan oleh MAS dan memberi kemudahan kepada MAS untuk mencapai keuntungan dan kebaikan kepada negara. Tetapi kalau sekiranya perjalanan MAS itu tidak teratur merugikan negara dan pada masa sekarang ternyata daripada adanya perbalahan di antara pekerja-pekerja MAS dengan pihak majikan menunjukkan salah satu sebabnya ialah kerana pentadbiran MAS itu barangkali

terdapat layanan-layanan yang tidak adil terhadap pekerja-pekerja MAS. Dengan sebab itu di samping kita meminta peruntukan yang besar ini dan untuk memberi kemudahan kepada MAS kita mestilah juga berusaha dan memastikan bahawa MAS dapat memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang baik kepada rakyat terutamanya memberi kemudahan-kemudahan dan tidak ada perkara-perkara yang seperti saya katakan tadi iaitu dikatakan tempat-tempat sudah tidak ada, tetapi apabila kita naik masih ada tempat-tempat sudah tidak ada, tetapi apabila kita naik masih ada tempat-tempat yang kosong di mana disebabkan oleh ketidaktelitinya di dalam menentukan sama ada tempat-tempat itu kosong ataupun tidak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.33 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perbekalan P. 56. Walaupun sepatutnya ini adalah perbekalan yang dipohon berhubung dengan Perbelanjaan Tambahan bagi pembinaan Lapanganterbang Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, pertama sekali berhubung dengan apa yang dikatakan penumpang-penumpang kadang kala apabila menempah tiket bagi penerbangan MAS dikatakan tidak ada tempat kosong, tetapi sebenarnya ada tempat-tempat kosong dalam kapalterbang itu. Masalah ini rasanya telah banyak kali saya menjawab dan menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar Dewan. Masalah seperti ini kadangkala memanglah berlaku bukanlah disebabkan kesalahan ini boleh diletakkan kepada MAS semata-mata kerana pada awalnya kemungkinan tempahan-tempahan dibuat tetapi pada saat-saat akhir apabila penerbangan dibuat penumpang yang menempah itu sendiri tidak menghadirkan dirinya atau seumpamanya.

Berhubung dengan perselisihan faham antara pekerja MAS dengan pentadbiran saya rasa perkara ini telah dibincangkan

apabila pihak Kementerian Buruh membentangkan perbekalannya dan masalah ini telah diserahkan kepada sebuah tribunal di bawah Kementerian Buruh dan perkara ini masih belum dapat diselesaikan oleh pihak tribunal tersebut. Sekianlah sahaja dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$310,000 untuk Kepala B. 55 dan \$130,000 untuk Kepala B. 58 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$4,935,671 untuk Maksud B. 55, \$564,709 untuk Maksud B. 58 dan \$41,076 untuk Maksud B.65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak \$13,202,212 untuk Kepala P. 55, \$3,187,148 untuk Kepala P. 56 dan \$10 untuk Kepala P. 59 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977; dan wang sebanyak \$859,990 untuk Maksud P. 55 dan \$2,559,990 untuk Maksud P. 60 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am untuk mengemukakan Anggaran Tambahannya bagi Maksud B. 63 dan juga bagi Pembangunan P. 63.

Kepala B. 63 (Jadual Pertama)—

Maksud B. 63 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977)—

Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—

5.37 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Dewan ini meluluskan Anggaran Tambahan bagi Kementerian saya iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 di bawah Kepala B. 63 sebanyak \$780,000 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 3 tahun 1977 di bawah Kepala P. 63 sebanyak \$10 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978 di bawah Kepala B. 63 sebanyak \$142,000 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) tahun 1978 di bawah Kepala P. 63 sebanyak \$409,850.

Tuan Pengerusi, mengenai tambahan sebanyak \$780,000 yang dipohon bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1977 sebanyak \$775,000 dari peruntukan ini digunakan untuk Kepala 1100 Gaji dan Upahan untuk membayar tunggakan gaji dan elaun untuk seramai lebih kurang 2,000 kakitangan Kementerian berikutan dengan perlaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet. Tambahan sebanyak \$5,000 lagi di bawah Pecahan-kepala 2200—Pengangkutan Barang-barang ialah untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi pegawai-pegawai yang terlibat dalam pertukaran.

Mengenai tambahan sebanyak \$10 yang dipohon bagi Anggaran Pembangunan Tambahan Bil. 3/1977 peruntukan token sebanyak \$10 ini dipohon ialah untuk membolehkan Kementerian ini menambahkan harga projek bagi Rumah Orang Sakit Melarat di Johor di bawah Kepala P. 63, Pecahan-kepala 1—Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak dari \$60,000 kepada \$69,230. Perbezaan harga projek ini telah diperolehi secara pindah peruntukan daripada pecahan-kepala 21—Rumah Orang-orang Tua, Sibul.

Mengenai tambahan sebanyak \$142,000 yang dipohon bagi Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1978, wang ini dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 4100—Bayaran Pindahan—untuk diberi kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia bagi membeli 5 buah kenderaan baru bagi menggantikan kenderaan-kenderaan yang lama. Kenderaan-kenderaan ini sangatlah perlu untuk memberi perkhidmatan bagi menghadapi sesuatu keadaan kecemasan seperti banjir, kebakaran dan bencana-bencana alam yang lain.

Mengenai tambahan sebanyak \$409,850 yang dipohon di bawah Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) tahun 1978 di bawah Butiran 7—Kem Pendetang-pendetang Haram Pulau Tengah, Johor dan Pulau Besar, Trengganu, peruntukan tambahan ini perlu untuk membina pagar keselamatan, rumah-rumah kakitangan separuh kekal dan kemudahan-kemudahan asasi yang lain di kem pendatang-pendetang haram itu. Pembinaan kem-kem ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan supaya pendatang-pendetang haram Vietnam ditempatkan di kawasan-kawasan tertentu yang berpagar untuk kesenangan kawalan.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga di bawah Kepala B. 63 sebanyak \$780,000 dan juga Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 3) tahun 1977 di bawah Kepala P. 63 sebanyak \$10 dan juga Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama tahun 1978 di bawah Kepala B. 63 sebanyak \$142,000 dan Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil. 1) tahun 1978 di bawah Kepala P. 63 sebanyak \$409,850 diluluskan oleh Dewan ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$780,000 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; wang sebanyak \$142,000 untuk Maksud B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; dan wang sebanyak \$10 untuk Kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1977; dan wang sebanyak \$409,850 untuk Maksud P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam mengemukakan Anggaran Pembangunan Ketiga bagi tahun 1977 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1978 dan juga Anggaran Tambahan Mengurus bagi tahun 1978. Sila.

Maksud B. 64 (Jadual Kedua)—

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977)—

Kepala P. 64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978)—

5.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Pengerusi, izinkan saya membentangkan Anggaran Belanjawan Pembangunan Ketiga tahun 1977, Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Pertama, 1978 dan Anggaran Belanjawan Pembangunan Tambahan Pertama, 1978 untuk Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan mencadangkan supaya peruntukan berikut diluluskan.

Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga tahun 1977 di bawah Kepala P. 64 berjumlah \$32,857,180. Peruntukan besar sebanyak \$29,495,712 ialah untuk pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak, dan bagi Bekalan Air Sarawak sebanyak \$3,397,458 dikehendaki seperti terdapat di dalam Memorandum Perbendaharaan, Kertas Perintah 31 tahun 1978.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1978 di bawah Maksud B. 64 berjumlah \$1,691,700 di bawah Butiran-butiran seperti disenaraikan dalam Memorandum Perbendaharaan, Kertas Perintah 21 Tahun 1978. Di antaranya sebanyak \$691,700 adalah dikehendaki bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus untuk Cawangan Penyer-taan Pemborong Bumiputra di bawah Kementerian ini.

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama tahun 1978 di bawah Maksud P. 64 berjumlah \$84,454,582. Di antara butir-butir peruntukan seperti disenaraikan dalam Memorandum Perbendaharaan, Kertas Perintah 23 Tahun 1978, sebanyak \$37,150,000 ialah untuk Projek-projek Jalanraya dan Jambatan; \$1.2 juta untuk rancangan-rancangan Bekalan Air di negeri Kedah; \$1,250,000 untuk Rancangan-rancangan Bekalan Air, Kuala Trengganu; \$40,390,010 untuk Bangunan-bangunan Kerajaan dan \$1 juta untuk Rancangan Perumahan Kerajaan dan \$3,464,572 untuk rancangan Bekalan Letrik Luar Bandar bagi negeri Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,691,700 untuk Maksud B. 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua; wang sebanyak \$32,857,180 untuk Kepala P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977; dan wang sebanyak \$84,454,582 untuk Maksud P. 64 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

Tuan Pengerusi: Sekarang, Kementerian yang akhir, saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tambahannya.

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan (Bil. 3), 1977)—

Maksud P. 66 (Anggaran Pembangunan (Bil. 1), 1978)—

5.49 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1977 di bawah Kepala P. 66 sebanyak \$6,285,579 dan juga mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan, 1978 di bawah Maksud P. 66 sebanyak \$61,354,621 untuk diluluskan.

Segala kenyataan dan sebab-sebab tambahan pembangunan dikehendaki adalah terang dinyatakan dalam Kertas Perintah 31 Tahun 1978 dan Kertas Perintah 23 Tahun 1978.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$6,285,579 untuk Kepala P. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1977; dan wang sebanyak \$61,354,621 untuk Maksud P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1978.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan.

(1) Bagi tahun kewangan 1977—

untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk maksud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah

30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan.

(2) Bagi tahun kewangan 1978—

untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadang untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa (1977 dan 1978) telah ditimbang dalam pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan.

(1) Bagi tahun kewangan 1977—

untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk maksud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti

yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan;

(2) Bagi tahun kewangan 1978—

untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadang untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan bahawa jumlah sebanyak \$339,723,276 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan

(1) Bagi tahun kewangan 1977—

Untuk membiayai sejumlah \$58,261,101 yang telah dibelanjakan untuk maksud-maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam ruangan lapan dan sembilan;

(2) Bagi tahun kewangan 1978—

Untuk membiayai sejumlah \$281,462,175 yang telah dibelanjakan atau yang dicadang untuk dibelanjakan untuk maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1978 dan yang disenaraikan di sebelah maksud-maksud dan butiran-butiran (projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAAN HAKIM (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.53 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama satu akta bagi meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menguatkuasakan kajian semula dan kenaikan gaji Hakim-hakim di seluruh Malaysia.

Perubahan gaji Hakim-hakim adalah perlu dibuat kerana dengan keadaan kenaikan perbelanjaan hidup yang meningkat sekarang ini, maka gaji Hakim-hakim yang diterima oleh mereka sekarang sudah tidak mencukupi lagi bagi menampung perbelanjaan hidup dan menjaga taraf kedudukan mereka. Gaji yang diterima oleh Hakim-hakim sekarang ini adalah gaji yang mereka terima semenjak tahun 1970. Padahal gaji pekerja-pekerja dalam sektor awam, termasuk Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis, telahpun dinaikkan mulai 1hb Januari, 1976.

Gaji baru yang dicadangkan dalam Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini hakim-hakim adalah seperti berikut:

Ketua Hakim Negara ...	\$6,000 sebulan
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya ...	\$5,500 sebulan
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo ...	\$5,400 sebulan
Hakim Persekutuan ...	\$5,250 sebulan
Lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaya dan Borneo ...	\$4,800 sebulan

Cadangan bagi tarikh kuatkuasa gaji baru bagi Hakim-hakim itu ialah pada 1hb Januari, 1976, iaitu sama dengan tarikh kuatkuasa perubahan gaji bagi pegawai-pegawai dalam sektor awam.

Selain daripada itu, Hakim-hakim itu akan juga diberi kemudahan-kemudahan dan keistimewaan-keistimewaan yang sekarang dinikmati oleh pegawai-pegawai Tingkatan Utama dalam sektor awam mulai 1hb Julai, 1977. Untuk tujuan ini, peraturan-peraturan

akan dibuat bagi melaksanakan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang baru bagi Hakim-hakim dan peraturan-peraturan ini akan meminda Jadual Kedua kepada Akta Saraan Hakim, 1971. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jadual Kedua kepada Akta itu boleh dipinda melalui peraturan-peraturan yang dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 19 dalam Akta Saraan Hakim, 1971 itu. Peraturan-peraturan yang akan dibuat itu akan disiarkan dalam *Warta* serentak dengan siaran Rang Undang-undang ini. Dan peraturan-peraturan itu akan menggantikan Jadual Kedua yang ada dalam Akta Saraan Hakim, 1971. Saraan baru yang diberikan kepada Hakim-hakim adalah wajar untuk menjaga taraf dan kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Rang Undang-undang ini adalah juga bertujuan untuk meminda seksyen 2 dalam Akta Saraan Hakim, 1971, ataupun Akta itu, untuk memudahkan pindaan-pindaan masa hadapan pada Jadual-jadual dalam bentuk yang lebih ringkas.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 3 Akta ibu untuk mengadakan peruntukan supaya seseorang Hakim berhak mendapat ganjaran juga, selain daripada pencen mengikut peruntukan-peruntukan Akta itu. Pindaan ini adalah berbangkit dari pindaan yang dibuat oleh Fasal 4.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 7 Akta dengan mengadakan suatu peruntukan yang terus-terang mengenai ganjaran dan penghitungannya bagi menggantikan peruntukan yang ada sekarang.

Fasal 5 dan 6 bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit untuk mengadakan peruntukan menghadkan seseorang Hakim menerima pencen dalam seksyen 8 Akta ibu dan untuk menggantikan pencen gantian atau pencen susutan dengan pencen dan ganjaran dalam seksyen 10 Akta itu.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 12 Akta ibu dengan memasukkan seksyen kecil (4) baru dan proviso yang mengadakan peruntukan supaya Hakim-hakim yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun sebelum 1hb Julai, 1977 dibayar pencen dan ganjaran dari tarikh mereka mencapai umur tersebut dan bukan hanya dari tarikh 1hb Julai 1977. Mengikut peruntukan undang-

undang yang ada sekarang, seorang Hakim yang mencapai umur lima puluh lima tahun sebelum 1hb Julai, 1977 tidaklah dibayar pencen dan ganjaran sebelum 1hb Julai, 1977. Oleh itu adalah dicadangkan supaya Hakim yang seumpama itu dibayar pencen dan ganjaran mulai daripada tarikh ia berusia lima puluh lima tahun walaupun tarikh itu lebih awal daripada 1hb Julai, 1977.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 9 adalah bertujuan mengadakan peruntukan, antara lain, bahawa Rang Undang-undang ini bila dikemukakan kelak akan dipakai bagi tiap-tiap orang yang memegang jawatan sebagai Hakim pada 1hb Januari, 1976 atau yang dilantik sebagai seorang Hakim selepas tarikh tersebut.

Fasal 10 bertujuan membuat peruntukan bagi seseorang Hakim memilih untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dan peraturan-peraturan yang akan dibuat, dalam masa tiga bulan selepas ianya disiarkan dalam *Warta*. Jika seseorang adalah seorang Hakim pada atau selepas 1hb Januari, 1976 dan ianya telah mati sebelum penyiaran itu, ia adalah disifatkan sebagai telah memilih untuk ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dan peraturan-peraturan yang akan dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 mengandungi suatu kecualian mensyaratkan bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan menyetujui sesuatu pencen atau ganjaran yang telah diberi atau yang seseorang Hakim layak menerimanya sebelum Rang Undang-undang ini disiarkan dalam *Warta* sebagai Akta. Pendek kata, pembayaran pencen dan ganjaran itu boleh diteruskan atau diberi, di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang kena dipakai mengenainya melainkan Hakim itu telah memilih atau disifatkan sebagai telah memilih di bawah Fasal 10.

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dengan perbelanjaan wang tambahan bagi membayar gaji serta tunggakan kepada Hakim-hakim, tetapi jumlah perbelanjaan yang sebenarnya tidak dapat ditentukan sekarang oleh kerana Hakim-hakim terpaksa-lah membuat pilihan mereka sama ada hendak ditakluk oleh peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini dan peraturan-peraturan yang akan dibuat itu. Dan jumlah mereka yang membuat pilihan untuk ditakluk kepada

peruntukan Rang Undang-undang ini dan juga peraturan-peraturan itu tidak dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.04 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat ulasan sedikit pada muka surat 3 Rang Undang-undang ini, iaitu berkenaan perkara 2. Saya syorkan bahawa perkataan "Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya" diganti dengan perkataan "Hakim Besar Mahkamah Tinggi, Malaysia Barat." Perkara 3 "Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo" diganti dengan perkataan "Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia Timur," dan perkara 5 diganti dengan istilah "Lain-lain Hakim Mahkamah Tinggi di Malaysia Barat dan di Malaysia Timur."

Tuan Yang di-Pertua: Istilah-istilah "Malaya" dan "Borneo" disyor untuk digantikan dengan perkataan "Malaysia Barat" dan "Malaysia Timur".

6.05 ptg.

Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sudah dikaji oleh pegawai-pegawai kita dan saya rasa perkataan itu memang sewajarnya ditakrifkan sedemikian, iaitu "Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya" bermaksud di Semenanjung Malaysia dan "Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Borneo" bermaksud termasuk Sabah dan Sarawak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.07 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibacakan kali kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengemukakan pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi membolehkan cadangan-cadangan mengenai cukai pendapatan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan untuk Belanjawan 1979 dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan.

Fasal 2 mengeluarkan filem wayang gambar daripada definisi bagi "royalty". Pindaan ini dibuat untuk membetulkan keadaan di mana sekiranya pindaan ini tidak dibuat, penayang-penayang wayang gambar masih dikenakan cukai pendapatan atas royalti atas pendapatan dari menayang wayang gambar dan juga cukai sewa filem. Pindaan ini akan membenarkan mereka dikenakan cukai sewa filem sahaja.

Fasal 5 mengadakan peruntukan supaya royalti balak yang dibayar kepada sesuatu pihak berkuasa berkanun atau badan lain yang sepenuhnya atau sebahagian besar dipunyai oleh sesuatu Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa negeri yang diluluskan oleh Menteri Kewangan akan layak untuk mendapat potongan dalam perkiraan cukai pendapatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diberitahu dalam Ucapan Belanjawan 1979 bahawa pelepasan cukai pendapatan untuk anak-anak dicadang ditambah. Fasal 6 dalam Rang Undang-undang ini membuat pindaan untuk melaksanakan cadangan itu bagi menaikkan pelepasan untuk anak-anak

menjadi \$800 untuk anak pertama, \$700 untuk anak kedua, \$600 untuk anak ketiga, \$500 untuk anak keempat dan \$400 untuk anak kelima.

Dalam hal ini sukalah saya memberi penjelasan yang lanjut sedikit, supaya jangan lagi timbul salah faham dan keraguan mengenai pelepasan cukai pendapatan. Ada pun tujuan memberi pelepasan cukai pendapatan mengikut kadar-kadar tertentu, ialah untuk meringankan sedikit beban kos saraan hidup yang dihadapi oleh tiap-tiap pembayar cukai; bukanlah hendak menampung saraan hidup mereka kesemuanya.

Oleh kerana kos saraan hidup berubah-ubah dari setahun ke setahun, kadar-kadar pelepasan cukai pendapatan adalah juga dikaji untuk menyesuaikan kadar-kadar itu dengan keadaan kos saraan hidup yang dihadapi dari masa ke semasa. Sebagai bukti, saya ingin menjelaskan iaitu Kerajaan telah menambah pelepasan untuk perseorangan dalam Belanjawan 1977 dan untuk isteri dalam Belanjawan 1978. Meskipun tambahan ini telah dibuat dengan memberi "rebate" sebanyak \$60 bagi diri sendiri dan \$30 bagi isteri, hasilnya adalah sama juga seperti menambah pelepasan persendirian sebanyak \$1,500 untuk mereka yang dikenakan cukai 6%. Pendekata, dengan tambahan ini, pembayar-pembayar cukai yang berpendapatan rendah dalam lingkungan ini mendapat pelepasan cukai sebanyak \$4,500 untuk diri sendiri dan isterinya sekali, dan bukanlah sebanyak \$3,000 sahaja. Bagi Belanjawan 1979, pelepasan cukai bagi anak-anak dicadang dinaikkan dari \$2,350 kepada \$3,000, dan pelepasan untuk caruman bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan bayaran premium insuran juga dicadang dinaikkan daripada \$3,000 kepada \$3,500.

Mengenai pelepasan untuk anak-anak juga, saya ingin menerangkan, iaitu cara yang ada sekarang ini membenarkan pelepasan itu digilirkan kelayakannya, iaitu anak yang kedua akan layak mengambil tempat anak yang pertama bila anak yang pertama itu lebih umur. Misalnya anak yang pertama itu mencapai umur 16 tahun dan sekiranya dia tidak lagi menjadi tanggungan ayahnya, bolehlah anak yang kedua mengambil tempat anak yang pertama. Dengan cara ini pelepasan itu dengan sendirinya bertambah untuk anak yang kedua tadi, dan seterusnya.

Bila kita membincangkan perkara pelepasan cukai pendapatan, tidaklah lengkap kalau kita tidak ambil kira pelepasan-pelepasan cukai pendapatan yang lain, kerana ada kaitannya antara satu sama lain. Pelepasan yang diberi sekarang adalah besar jumlahnya. Pelepasan-pelepasan itu berjumlah \$10,850 yang terdiri dari:

Pelepasan perseorangan	\$2,000
Pelepasan untuk isteri	\$1,000
Pelepasan untuk pendapatan pekerjaan	\$1,000
Pelepasan untuk anak-anak ...	\$2,350
Pelepasan untuk caruman KWSP dan bayaran insuran	\$3,000
Pelepasan berbentuk "rebate" ...	\$1,500

Dengan tambahan pelepasan seperti dicadangkan bagi Belanjawan tahun 1979 untuk anak-anak dan caruman kepada KWSP dan bayaran premium insuran yang berjumlah \$1,150 itu, maka jumlah pelepasan yang diberi oleh Kerajaan adalah menjadi \$12,000 setahun. Ini bermakna pendapatan maksima yang tidak dikenakan cukai ialah sebanyak \$1,000 sebulan.

Sekiranya ditambah lagi pelepasan seperti yang dirayu-rayukan oleh beberapa pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti menambah pelepasan untuk persendirian dan isteri dan mengadakan pelepasan untuk anak-anak mengikut kadar yang sama bagi kesemua 5 anak, banyaklah bilangan pembayar cukai yang ada sekarang ini tidak payah lagi membayar cukai. Jika demikian Kerajaan akan rugi kerana cukai yang akan diperolehi akan berkurangan, dan langkah-langkah Kerajaan hendak memperbaiki agihan pendapatan akan terjejas.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi potongan maksima untuk caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sekim-sekim pencen yang diluluskan serta bayaran premium insuran dinaikkan kepada \$3,500.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberitahu dalam Ucapan Belanjawan 1979, satu sekim galakan telah dirangka untuk menggalakkan tanaman modal dalam perusahaan perkapalan dan penubuhan usaha-usaha perkapalan di Malaysia sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menambah kegiatan dalam bidang ini. Secara ringkas, sekim galakan perkapalan ini memperuntukkan pengecualian daripada cukai pendapatan

selama 12 tahun taksiran kepada syarikat-syarikat perkapalan yang bermastautin, dan dividen-dividen yang tidak boleh melebihi 10% daripada modal yang dibayar bagi setiap tahun kewangan yang dibayar daripada pendapatan perkapalan dikecualikan dari cukai pendapatan dan dividen-dividen itu dikecualikan juga dari cukai apabila dibayar kepada pemegang-pemegang saham. Pengecualian-kecualian ini adalah diberi dengan syarat syarikat-syarikat perkapalan mengadakan rancangan untuk menambah bilangan kapal-kapal dan bagi mencapai matlamat ini, syarikat-syarikat itu dikehendaki mengkreditkan baki pendapatan dari untung bersih, selepas diambil kira pembahagian dividen kepada satu tabung pembesaran bilangan kapal-kapal. Fasal 9 dalam Rang Undang-undang ini membuat pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 dengan mengadakan satu seksi yang baru iaitu Seks 54A bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan mengenai galakan untuk perkapalan seperti yang diterangkan.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bagi penalti bayaran lambat cukai pendapatan yang sedia ada itu dinaikkan 1% bagi tiap-tiap baki yang belum dibayar, bagi tiap-tiap tempoh 30 hari. Kenaikan ini adalah terhadap kepada 5 tempoh sedemikian sahaja. Pindaan ini adalah dibuat untuk mempercepatkan bayaran cukai pendapatan supaya tunggakan cukai pendapatan dapat dikurangkan.

Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan bagi membenarkan Bank-bank Malaysia yang bermastautin dikecualikan dari cukai pegangan atas faedah atas pinjaman-pinjaman dari Bank-bank asing. Faedah atas pinjaman jangka panjang lebih dari 3 tahun yang dibayar kepada orang-orang yang bermastautin dikecualikan dari cukai pegangan untuk menggalakkan pinjaman-pinjaman jangka panjang dalam negeri ini. Akan tetapi mengikut peruntukan undang-undang sekarang, Bank-bank Malaysia yang bermastautin adalah tidak dapat menafaat pengecualian ini oleh kerana mereka meminjam dari Bank-bank asing atas dasar 3 atau 6 bulan mengikut amalan

pasaran kewangan. Sebaliknya Bank-bank asing berupaya mendapat cawangan-cawangan atau ibu-ibu pejabat di luar negeri untuk mengatur pinjaman jangka panjang mereka dan dengan ini dapat faedah pengecualian 15% cukai pegangan itu. Oleh itu untuk menghapus perbezaan di antara kedudukan bank-bank Malaysia yang bermastautin yang ditubuhkan dalam negeri dengan Bank-bank asing, cukai pegangan 15% atas pinjaman-pinjaman Bank-bank Malaysia dari Bank-bank asing akan dikecualikan. Langkah ini akan juga membantu di dalam perkembangan pasaran kewangan tempatan yang mana adalah menjadi satu keperluan bagi perkembangan pasaran barang-barang utama tempatan, sepertimana yang telah diumumkan dalam Ucapan Belanjawan 1979.

Untuk membolehkan pengecualian cukai pegangan seperti dimaksudkan, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan, 1967 adalah dibuat seperti dalam Fasal 14. Selanjutnya tambahan kepada Jadual 6, Bahagian I, dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 perlulah juga dibuat dan pindaan itu adalah seperti dalam Fasal 17 (b).

Fasal 17 (a) mengadakan peruntukan bagi mengecualikan dari cukai pendapatan, pendapatan rasmi bagi seseorang bekas Raja atau Ketua Pemerintah atau seorang bekas Isteri bagi seseorang Raja bagi sesuatu Negeri.

Di dalam Ucapan Belanjawan 1979, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan telah juga mengemukakan cadangan untuk mengadakan galakan bagi perusahaan-perusahaan yang sudah bertapak dalam bentuk elaun pelaburan semula untuk menggalakkan mereka mengadakan rancangan pemodenan serta menambahkan pengeluaran. Fasal 18 menyediakan suatu jadual baru 7A dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi elaun pelaburan semula itu. Elaun pelaburan semula ialah 25% daripada perbelanjaan modal yang dikenakan kepada suatu kilang, loji atau alat jentera yang digunakan bagi sesuatu projek yang diluluskan. Perbelanjaan itu mestilah dikenakan dalam tempoh 3 tahun dari 1hb Januari, 1979. Pendapatan

yang diselaraskan bersamaan dengan jumlah elaun pelaburan semula adalah dikecualikan daripada cukai. Jika ada kerugian, elaun pelaburan semula itu akan dibawa ke hadapan. Sesuatu akaun pengecualian hendaklah disimpan bagi pendapatan yang dikecualikan dan apa-apa dividen yang diisytiharkan daripada akaun itu akan juga dikecualikan daripada cukai. Jika cukai sepatutnya tidak dikecualikan, taksiran boleh dikenakan dalam tempoh 12 tahun untuk membentaras apa-apa faedah yang diperolehi daripada pengecualian itu. Sesuatu syarikat yang tempoh pelepasan cukainya masih berkuatkuasa pada atau selepas 1hb Januari, 1979 tidak layak mendapat elaun pelaburan semula. Bagi sesuatu syarikat yang tempoh pelepasan cukainya yang berakhir pada atau sebelum 31hb Disember, 1978, perbelanjaan modal itu hendaklah dikenakan pada suatu tarikh yang lebih daripada 3 tahun selepas tarikh tempoh pelepasan cukainya berakhir. Galakan ini adalah layak diberi kepada sesuatu projek yang diluluskan iaitu sesuatu projek bagi membuat atau memproses yang diusahakan bagi mengembangkan perniagaan yang sedia ada. Projek-projek itu hendaklah juga diluluskan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, jika perlu.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan kecil yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9—

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan. Pindaan itu adalah seperti berikut:

Fasal 9— Gantikan seksyen-kecil (2) (c) seksyen 54A dengan seksyen-kecil (2) (c) baru seperti berikut:

“(c) during the basis period for the exempt years of assessment, the company shall undertake a programme to increase the tonnage of its fleet of ships or vessels and shall for this purpose incur capital expenditure on the acquisition of ships or vessels;

Provided that at the end of the basis period for the last exempt year of assessment the capital expenditure so incurred shall not be less than seventy-five per cent of such fleet acquisition reserve at the end of the basis period; and”.

Clause 9— Substitute for subsection (2) (c) of section 54A a new subsection (2) (c) as follows:

“(c) during the basis period for the exempt years of assessment, the company shall undertake a programme to increase the tonnage of its fleet of ships or vessels and shall for this purpose incur capital expenditure on the acquisition of ships or vessels.”

Provided that at the end of the basis period for the last exempt year of assessment the capital expenditure so incurred

shall not be less than seventy-five per cent of such fleet acquisition reserve at the end of that basis period; and”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 9 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 hingga 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17—

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan. Pindaan itu adalah seperti berikut:

Fasal 17 (a) — Gantikan perkataan-perkataan “former Consort of a Ruler of a State” yang terdapat dalam baris empat perenggan baru 1B dengan perkataan “Consort of a former Ruler of a State previously”.

Clause 17 (a)— Substitute for the words “former Consort of a Ruler of a State” appearing in line four of the new paragraph 1B the words “Consort of a former Ruler of a State previously.”

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 17 Sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 18—

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan. Pindaan itu adalah seperti berikut;

Fasal 18 — (a) Dalam perenggan 1 kepada Jadual 7A baru, gantikan perkataan-perkataan “Where in the basis period for a year of assessment, a company which is resident in the basis period for a year of assess-

ment has incurred” dengan perkataan “Where a company which is reside in Malaysia for that basis year for a year of assessment has incurred in the basis period for that year of assessment”; dan

(b) Dalam perenggan 2 (b) kepada Jadual 7A baru, gantikan perkataan “after” dengan perkataan “from”.

Clause 18 — (a) In paragraph 1 of the new Schedule 7A, substitute for the words “Where in the basis period for a year of assessment, a company which is resident in the basis period for a year of assessment has incurred” the words “Where a company which is resident in Malaysia for the basis year for a year of assessment has incurred for that year of assessment”; and

(b) In paragraph 2 (b) of the new Schedule 7A, substitute for the word “after” the word “from”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 18 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.28 ptg.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, dibacakan kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda seksyen 9 Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967 bagi maksud mengurangkan kadar cukai keuntungan timah

daripada 15% kepada 12.5% atas keuntungan timah yang kena cukai yang melebihi \$400,000.

Pengurangan kadar ini yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawan 1979 yang disampaikan ke Dewan ini pada 20hb Oktober, 1978, adalah dibuat sebagai langkah mengurangkan beban cukai atas pelombong-pelombong bijih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 14hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.